

KELUARAN ANGKATAN  
NAHDHATUL ISLAM BERSATU (BINA)



الهدا

# AL-HUDA

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM

TAHUN 2,  
NOMBOR 23,  
ZULKAEDAH 1407,  
JULAI 1987



Haji Dan Umrah  

---

**SEJARAH SA'I**

ذوالقعدة 1407

JUN/JULAI 1987

AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
<b>30</b> <sub>26</sub>						<b>1</b> <sub>27</sub>
<b>2</b> <sub>28</sub>	<b>3</b> <sub>29</sub>	<b>4</b> <sub>30</sub>	<b>5</b> <sub>1</sub>	<b>6</b> <sub>2</sub>	<b>7</b> <sub>3</sub>	<b>8</b> <sub>4</sub>
<b>9</b> <sub>5</sub>	<b>10</b> <sub>6</sub>	<b>11</b> <sub>7</sub>	<b>12</b> <sub>8</sub>	<b>13</b> <sub>9</sub>	<b>14</b> <sub>10</sub>	<b>15</b> <sub>11</sub>
<b>16</b> <sub>12</sub>	<b>17</b> <sub>13</sub>	<b>18</b> <sub>14</sub>	<b>19</b> <sub>15</sub>	<b>20</b> <sub>16</sub>	<b>21</b> <sub>17</sub>	<b>22</b> <sub>18</sub>
<b>23</b> <sub>19</sub>	<b>24</b> <sub>20</sub>	<b>25</b> <sub>21</sub>	<b>26</b> <sub>22</sub>	<b>27</b> <sub>23</sub>	<b>28</b> <sub>24</sub>	<b>29</b> <sub>25</sub>

HARI JADI T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI

11 ZULKAEDAH 1407

7 JULAI 1987

JADUAL WAKTU SEMBAHYANG

Tarikh	Datarab	Subuh	Terbit Matahari	Zuhur	'Asar	Magrib	Imsy
1-5	Kuching	5.08	6.31	12.36	4.01	6.43	7.55
	Sri Aman	5.03	6.26	12.31	3.56	6.38	7.50
	Sankt Peter	5.05	6.28	12.33	3.58	6.40	7.52
	Seri Iskandar	5.04	6.27	12.32	3.57	6.37	7.51
	Bintulu	5.00	6.23	12.28	3.53	6.35	7.47
	Kapit	4.98	6.21	12.26	3.51	6.33	7.45
6-10	Miri	4.58	6.21	12.26	3.50	6.33	7.45
	Limbang	4.55	6.18	12.23	3.48	6.30	7.42
	Lawas	4.54	6.17	12.22	3.47	6.29	7.41
	Kuching	5.09	6.32	12.37	4.03	6.44	7.57
	Sri Aman	5.04	6.27	12.32	3.59	6.39	7.52
	Sankt Peter	5.06	6.29	12.34	4.01	6.41	7.54
11-15	Sibu	5.05	6.28	12.33	3.59	6.40	7.53
	Bintulu	5.01	6.24	12.29	3.55	6.36	7.49
	Kapit	4.59	6.22	12.27	3.53	6.34	7.47
	Miri	4.59	6.22	12.27	3.53	6.34	7.47
	Limbang	4.56	6.19	12.24	3.50	6.31	7.44
	Lawas	4.55	6.18	12.23	3.49	6.30	7.43
16-20	Kuching	5.09	6.32	12.37	4.03	6.44	7.57
	Sri Aman	5.04	6.27	12.32	3.59	6.39	7.52
	Sankt Peter	5.06	6.29	12.34	4.01	6.41	7.54
	Seri Iskandar	5.05	6.28	12.33	4.00	6.40	7.53
	Bintulu	5.01	6.24	12.29	3.59	6.37	7.49
	Kapit	4.59	6.22	12.27	3.54	6.34	7.47
21-25	Miri	4.59	6.22	12.27	3.54	6.34	7.47
	Limbang	4.56	6.19	12.24	3.50	6.31	7.44
	Lawas	4.55	6.18	12.23	3.50	6.30	7.43
	Kuching	5.09	6.33	12.38	4.05	6.45	7.58
	Sri Aman	5.04	6.28	12.33	4.00	6.40	7.53
	Sankt Peter	5.06	6.30	12.35	4.02	6.42	7.55
26-30	Sibu	5.06	6.30	12.35	4.02	6.42	7.55
	Bintulu	5.01	6.25	12.30	3.57	6.37	7.50
	Kapit	4.59	6.23	12.28	3.55	6.35	7.48
	Miri	4.59	6.23	12.28	3.55	6.35	7.48
	Limbang	4.56	6.20	12.25	3.52	6.32	7.45
	Lawas	4.55	6.19	12.24	3.51	6.31	7.44
21-25	Kuching	5.10	6.34	12.39	4.06	6.46	7.59
	Sri Aman	5.05	6.29	12.34	4.01	6.41	7.54
	Sankt Peter	5.07	6.31	12.36	4.03	6.43	7.56
	Seri Iskandar	5.09	6.32	12.38	4.04	6.45	7.58
	Sibu	5.06	6.30	12.35	4.02	6.42	7.55
	Bintulu	5.02	6.26	12.31	3.58	6.38	7.51
26-30	Kapit	5.00	6.24	12.29	3.56	6.36	7.49
	Miri	5.00	6.24	12.29	3.56	6.36	7.49
	Limbang	4.57	6.21	12.26	3.53	6.33	7.46
	Lawas	4.56	6.20	12.25	3.52	6.32	7.45
	Kuching	5.12	6.35	12.41	4.07	6.48	8.01
	Sri Aman	5.07	6.30	12.36	4.02	6.42	7.56
21-25	Sankt Peter	5.09	6.32	12.38	4.04	6.45	7.58
	Seri Iskandar	5.08	6.31	12.37	4.03	6.44	7.57
	Sibu	5.04	6.27	12.33	3.59	6.40	7.53
	Bintulu	5.00	6.24	12.29	3.56	6.36	7.49
	Kapit	4.98	6.22	12.27	3.57	6.35	7.47
	Miri	5.02	6.25	12.31	3.57	6.35	7.51
26-30	Limbang	4.59	6.23	12.28	3.54	6.35	7.48
	Lawas	4.58	6.21	12.27	3.53	6.34	7.47

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَىٰ  
الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا  
مَوْقُوتًا .  
(النَّازَاءَ : ١٠٣)

“Sesungguhnya  
sembahyang itu  
fardhu yang telah  
ditentukan waktunya  
atas orang-orang  
yang beriman.”

(An-Nisak: 103)

قُلْ إِنَّ هُدَىَ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ  
• (البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

## TERHAD UNTUK PARA AHLI SAHAJA

Ibu Pejabat,  
Jalan Datuk Patinggi  
Haji Abdul Rahman Yakub,  
Petra Jaya, 93050 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993,  
082-443994 ext. 11 atau 31

# AL-HUDA

TAHUN 2, NOMBOR 23, ZULKAEDEAH 1407/JULAI 1987

## PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,  
Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalaukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membayai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:  
Pengarah,  
Penerbitan Al-Huda,  
Ibu Pejabat BINA,  
Jalan Tun Datuk Patinggi  
Haji Abdul Rahman Ya'kub,  
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.  
Pengarah

## KANDUNGAN

Lidah Pengarang .....	4
Tafsir Surah Al Fatihah .....	5
Istiqamah .....	10
Harakah Islamiyah dan Kita .....	14
Abu Bakar luaskan wilayah .....	21
Berita Dunia Islam .....	25
Mengapa saya memeluk Agama Islam ...	27
Saudara Baru .....	29
Haji dan Umrah .....	31
Sejarah Sa'i .....	38
Qorban .....	42
Aqiqah .....	45
Ruangan Fatwa .....	47
Rangkuman Do'a .....	48



Penasihat USTAZ HAJI FATHI HAJI DUE  
Pengarah TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM ● Ketua Unit Penerbitan  
ABENTUK/Pengurus Iklan  
BUJANG JENAL ● Ketua Pengarang USTAZ HAJI MORTADZA HAJI  
DAUD ● Penolong Ketua Pengarang USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU  
BAKAR ● Sidang Pengarang USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR,  
USTAZ SYED MUHAMAD ALWI AL-ATTAS, DR. WAN ALI TUANKU  
MADHI, USTAZAH ROHANI BINTI AWI, USTAZ HAJI ALI FATHULLAH  
HARUN, TUAN HAJI MOHD. HANIF ALI, USTAZ HJ. MOHD FAUZI  
MOHIDIN.

Lidah Pengarang:

# Memelihara kesan hari raya Aidil Fitri

Hari Besar "Aidil Fitri" 1407 H telah kita rayakan bersama, sesudah kita selamat menunaikan ibadat puasa, mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kita semua merasa lapang, penuh dengan kenikmatan. Merasa puas dan gembira kerana telah menunaikan titah Allah, dan dapat berjumpa dengan kerabat saudara tercinta, penuh dengan rasa maaf dan kasih sayang mesra. Kuncup-kuncup untuk kerukunan dan kedamaian, kepekaan-kepekaan bagi berafiliasi dengan sesama hidup pada hari yang berbahagia itu telah mekar selebar-lebarnya, berkat celupan batin selama satu bulan puasa.

Dan syukur kita sangat mendalam dengan segala ciri-ciri keutamaan kemanusiaan tampil kepermukaan, kerana pada hari itu kita telah kembali kepada fitrah kita yang semula jadi, yang asli, murni. Kembali kita kepada hakikat kemanusiaan utama; kembali kita tinggalkan hawa-nafsu yang berkelebihan dan kembali kita kawal naluri-naluri nafsiyyah yang rendah, kotor; berkat proses celeupan bakti dan penyerahan diri kepada Allah Azza Wajallah didalam bulan Ramadhan yang lalu.

Semoga kita termasuk kedalam golongan yang dikabulkan Allah menjadi 'abdinya yang memiliki fitrah suci dan murni, dan semoga kegembiraan hari raya itu berkesan secara berketerusan.

Sungguh suci suasana hari raya "Aidil Fitri", sungguh besar nikmat pengalaman titah Allah.

Hari Raya "Aidil Fitri" itu sendiri sudah berlalu; tetapi alangkah indahnya bila kenikmatan, kedamaian, iktikad-iktikad baik dan kepekaan-kepekaan budi luhur, yang pada hari itu bersemayam kalbu kita, sentiasa dapat kita miliki untuk seterusnya kita pelihara bersama.

## Rasulullah SAW. bersabda:

"Janganlah kamu sekalian memutuskan tali perhubungan (silaturrahim), dan janganlah kamu sekalian berpaling-paling muka, dan jadilah hai hamba Allah: bersaudara; serta tidak halal bagi seorang Islam, tidak bercakap kepada saudaranya (oleh sebab marah) lebih daripada tiga hari". (H.S.R. Bukhari, Muslim).

(Sambungan dari Al-Huda No. 22).

Oleh: Haji Mohd. Mortadza Haji Daud

SIRI 4

# Tafsir Surah Al-Fatihah

صراط الذين أَنْعَمْتُ عَلَيْهِمْ غَيْرَ المَخْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضالِّينَ (7)

7. SIRA-TAL-LAZI-NA-AN-'AMTA-'ALAIHIM-GHAI-RILMAGH-DHUU-BI-'ALAIHIM-WA-LADH-DHAAAL-LIIN

(Jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat keatas mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai keatas mereka dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat) (1:7)

Ayat ini adalah lanjutan dari keterangan Jalan Yang Lurus (الصراط المستقيم) yang dipinta itu.

- (1) Jalan yang telah dijalani oleh mereka yang telah mendapat nikmat hidayah ALLAH.
  - (2) Bukan jalan mereka yang dimurkai ALLAH.
  - dan (3) Bukan jalan mereka yang sesat.
- (a) Siapakah yang telah mendapat nikmat daripada ALLAH?  
Mereka termasuklah para Nabi-nabi, As-siddiqin (orang-orang yang bersifat benar, jujur dan lurus), Assyuhada (para pejuang Islam yang gugur mati syahid), Assalihin (orang-orang salih) dan seterusnya orang-orang yang telah mengikuti jejak langkah perjuangan mereka yang tersebut tadi dalam tugas dan tanggungjawab bagi melaksanakan titah perintah Allah di muka bumi ini.  
Jalan mereka itulah jalan yang kita minta bersungguh-sungguh dari Allah Sabda-nahuwat'ala. Jalan-jalan yang dilalui mereka itu sajalah yang dapat menjamin keamanan dan ketenteraman hidup manusia bermasyarakat didunia ini.

Dan dengan jalan itu jugalah Insha Allah, dapat kita sampai ke matalamat yang sebenar-benar kita tuju, iaitu hidup disisi Allah, tempat yang dikatakan, dari mana kita datang dan disitulah tempat kita kembali pulang; hidup akhirat yang kekal abadi.

Mereka yang kita sebut mendapat nikmat Allah itu tadi telah menyedari bahawa tiap-tiap manusia hidupnya mempunyai dua perhubungan atau pertalian. Pertama: Perhubungan/pertaliannya dengan masyarakat.

Kedua: Perhubungan/pertaliannya dengan Allah.

Kedua-dua perhubungan/pertalian ini mesti selalu diadakan, mesti selalu disimak, diperbaiki dan dicuci bersih agar tidak berkarat dan seterusnya terputus.

Memperelok perhubungan/pertalian dengan masyarakat, kita semestinya sanggup kerana Allah mencurah tenaga dan dermabakti kita semata-mata kerana Allah dengan apa jua dayahusaha yang terdaya oleh kita, asal saja tujuannya untuk kebaikan dan kebajikan masyarakat.

Kita ini dalam masyarakat. Berarti kita adalah sebahagian dari masyarakat itu sendiri. Dari itu, semantara nyawa maseh dikandung badan, dimasa akal maseh siuman, maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita sebagai seorang manusia memberi seberapa banyak apa-apa jua yang berfaedah, bermanfaat untuk masyarakat. Hal ini dengan tegas dijelas oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam hadithnya yang bermaksud:

“Sebaik-baik manusia ialah yang telah banyak memberi manfaat (dermabakti) nya kepada manusia (masyarakat).”

Hidup keduniaan kita yang perlu bermasyarakat ini ada hubungannya dengan kehidupan kita dengan alam akhirat. Dengan kata lain, ada ikatan pertaliannya dengan hidup kita selepas mati didunia ini; iaitu perhubungan kita dengan Allah.

Memperelokkan perhubungan kita dengan Allah mudah sekali. Bagaimana caranya? Buat apa disuroh Allah dan tinggal apa yang ditegah Nya. Itu saja, tidak lebuh dari itu.

Itulah dia jalan lurus yang kita pinta, jalan yang telah dinikmati oleh para Nabi-nabi, para Syuhada dan Assalihin.

- (i) Kepada masyarakat mereka berbakti.
- (ii) Kepada Allah mereka mengabdi diri. Yang disuroh mereka buat, yang dilarang mereka tinggalkan.

(b) Siapakah orang yang dimurkai ALLAH?

Jalan (المنضوب عليهم) orang-orang yang dimurkai Allah yang kita minta supaya Allah jauahkan kita daripada melaluiinya, ialah jalan orang-orang yang telah mendapat ajaran ugama Allah yang sebenarnya, akan tetapi mereka tidak percaya kepada kebenaran ajaran itu. Mereka ketepikan ajaran ugama yang benar, tetapi apa yang diajar, dibuat oleh datuk-nenek mereka dahulu,

yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Allah itu pula yang mereka percayai. Mereka dipengaruhi oleh hawanafsu, padahal mereka sudah tahu apa yang telah sampai kepada mereka adalah ajaran yang sebenar dari Allah. Yang telah menyampaikan ajaran yang benar itu juga telah mereka tahu memang Rasul Utusan Allah.

Pendekata, pertunjuk/hidayah Allah mereka ketepikan, tetapi mereka ketengahkan pula ulok-ulokan dari syaitan yang mereka katakan ajarran ugama Allah konon. Kesudahannya mereka menempuh dan mengalami malapataka didunia, dan diakhirat mereka menderita azab sangsara yang amat dahsyat didalam neraka jahanam yang apinya tinggi bernyala-nyala.

Hal ini dijelas oleh Firman Allah yang bermaskud:

“Sesunggohnya orang-orang yang menukar perjanjian Allah dan janji mereka dengan herga murah, orang-orang itu tidak mempunyai bagian diakhirat. Dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka, tidak memperhatikan mereka dan tidak pula membersehkan mereka (dari dusa) dihari Kiamat. Mereka mendapat siksa yang pedih (dalam neraka).”

(Surah Aali'Imran; ayat: 77)

Jalan mereka yang dimurkai Allah inilah kita minta dijauhkan daripada kita.

(c) Siapakah ( ) orang-orang yang Sesat itu?

Orang-orang yang sesat ialah orang-orang yang berani membuat-buat sendiri, mereka-reka hukum-hukum ugama. Walhal apa yang mereka buat itu adalah diluar garis keredhaan Allah. Ataupun orang yang berani membuat sesuatu hukum ugama sedangkan penerangan mengenai hukum itu belum pun sampai kepada pengtauhannya, kalaupun ada yang sampai kepadanya namun ia maseh samar-samar lagi. Kerana berani menempuh kesesatan, dia tergamak pula mereka-reka dengan fikirannya sendiri akan hukum-hukum itu dan dikatakannya, itulah hukum ugama Allah. Kesimpulan hukum-hukum yang dibuatkannya sebagai hukum ugama, kononnya itu, adalah campuraduk diantara yang betul dengan yang salah, diantara yang hak dengan yang batil.

Ta'rif ( ) orang-orang yang sesat ini mestilah kita kaji dan perhati secara lebih mendalam, khasnya dikalangan masyarakat kita, kerana kita dapati ada orang yang mengakui dirinya orang Islam sejati, tetapi dia percaya kepada perkara yang menyesatkan. Kita ambil satu contoh; meminta sesuatu yang abstrak, umpamanya minta isterinya melahir anak perempuan, kerana anak-anaknya yang ada semuanya lelaki. Orang itu lalu pergi kekubur keramat (kubur orang wali). Dia langsung minta itu dan ini dari Wali itu. Dia tidak memohon terus kepada Allah, Tuhan Pencipta Alam semesta. Inilah satu daripada beberapa contoh kesesatan.

Pendekata, ayat yang akhir dari ayat Surah Al-Fatihah ini adalah intisari dari kesah umat yang taat dan yang derhaka dizaman Rasul-rasul dahulu kala. Yang beriman mendapat nikmat keridaan Tuhan, tetapi yang sesat dan yang

derhaka menerima akibat buruk, ditimpa bala didunia dan disiksa, menderita dikhirat buat selama-lamanya.

## KESIMPULAN KATA

Para pembaca yang budiman,

Marilah kita selami bersama kesimpulan kandongan Surah Al-Fatihah ini.

Ia bukan semata-mata bacaan untuk 'ibadah, tetapi juga pembimbing manusia menuju kearah keselamatan dan sejahteraan hidup dunia bermasyarakat dan hidup akhirat kembali disisi Allah.

Mula-mula kita diberi ingat menyebut nama Ny<sup>a</sup> — ALLAH. Dia ada. Dia ber-sifat Pengasih dan Penyayang. Kerana kasih Ny<sup>a</sup> lah, maka kita dapat mengecap nikmat hidup dimaya pada ini, dan kerana Penyayang Ny<sup>a</sup> pula, maka hamba-hamba Ny<sup>a</sup> yang beriman dapat mengecap kebahagian hidup yang kekal abadi buat selama-lamanya.

Kerana kasih dan sayang Ny<sup>a</sup> kepada kita, maka kita mesti membalaikasih sayang Ny<sup>a</sup> pula dengan berlaku taat setia kepada Ny<sup>a</sup>. Yang disuruh Ny<sup>a</sup> mesti kita buat, dan yang dilarang Ny<sup>a</sup> wajib kita tinggalkan. Dengan berbuat begitu sajalah baru kita boleh diakui sebagai orang yang benar-benar tahu membalas budi. Ta'kanlah kita diakui berbudi baik dan mulia, kalau susu yang disugoh kepada kita, tuba pula kita beri sebagai balasannya.

Kemudian kita diberi ingat; Dialah Yang Maha Berkuasa. Kekuasaan Ny<sup>a</sup> menyeruuh kemana-mana. 'Alam semesta ujud dengan kehendak Ny<sup>a</sup>. Tergamakah kita yang begini kerdil dan daif sanggup melawan-menderhakai Tuhan (رب العالمين) Pencipta 'alam semasta?

Setelah kita ketahui dan imani akan ujud Ny<sup>a</sup> Tuhan yang telah menjadikan kita, Yang berkuasa pula atas segala sesuatu, maka kita berikrar dan berjanji bahawa kepada Ny<sup>a</sup> lah kita mengabdi diri dan kepada Ny<sup>a</sup> sahajalah kita memohon bantuan dan pertolongan.

Kalau ini semua telah dapat kita laksanakan, maka tepat sekali kita boleh diakui sebagai gulungan Muslimin yang sejati.

Sebagai seorang Muslim, kita wajib melaksana amanah yang telah dipertanggongjawab Allah keatas tiap-tiap Muslim. Kita diamanah untuk memakmur muka bumi ini dengan kemakmuran yang direhui Ny<sup>a</sup> serta berusaha mendekatkan hati manusia kepada Allah, dengan membuat ma'ruf (kebijakan) dan meninggal mungkar (kejahanatan). Akantetapi dalam melaksanakan tugas kemakmuran keduniaan, kita jangan lupa memohon pertolongan, taufik dan hidayah Allah.

Bukan kekayaan harta yang kita pinta di dalam permohonan kita kepada Allah, tetapi pertunjuk Ny<sup>a</sup> kejalan yang lurus itulah yang sangat-sangat kita hajati. Itulah pokok sekalian harapan kita sebagai mahluk yang inginkan keredhaan Penciptanya. Kita tidak mahu jalan orang yang telah dimurka Allah diberi kepada kita. Kita tetap menolaknya dengan tidak bertolak-ansur. Apatah lagi jalan orang yang sesat; kita minta dijauh diri daripadanya, kerana mereka yang sesat tetapi menerima la'nat Allah Subhanahu Wata'al<sup>a</sup>.

## **PERKATAAN AMIN**

Kelimat Amin bukanlah ayat Al Quraan. Membaca Amin sunat hukumnya. Sebuah hadith daripada Abi Hurairah ada menyatakan, bahawa Rasulullah (s.a.w.) pernah bersabda. Maksudnya:-

"Apabila Imam telah membaca Amin, maka hendaklah kamu membaca Amin pula, kerana barang siapa Aminnya berbetulan sama masa (serentak) dengan Amin malaikat, diampunilah dusa-dusanya yang telah lalu."

(Diriwayat oleh Jama'ah)

Berasaskan hadith ini, maka disunatkan membawa Amin selesai saja surah Al-Fatihah dibaca dengan syarat berhenti sebentar; selepas membaca kelimat Wad-dhaal-liin ( وَدَلِيلٍ ). Seluruh ma'mum disunat membaca Amin selesai saja imam mereka membaca surah Al-Fatihah dengan nyaring serentak dengan Amin Imam.

### **(a) Makna kelimat AMIN**

Makna AMIN ialah "Ya Allah! perkenankanlah permohonan Kami.

Dengan ini selesailah tafsir Surah Al-Fatihah yang saya cuba dan usahakan. Kepada Allah saya mengucap syukur dan memuahu keampunan atas salah silap yang saya lakukan. Selawat dan salam keatas Rasul Nya; Muhammad (s.a.w.)

Wabil-laah-hit-taufiq-wal-hidayah. Amin!

---

SELESAI

---

Berkata Ahli Sya'ir:

مَا أَحْسَنَ اللَّهُ دِينَ وَالْمُتَبَرِّئُونَ الْجَمِيعُ  
وَأَقْبَحَ الْكُفَّارُ وَالْإِفْلَانُ فِي الرَّجُلِ .

Artinya:

Alangkah baiknya bila Agama dan Dunia  
berkumpul pada dirinya,  
Dan alangkah buruknya apabila Kufur dan kemiskinan  
terdapat pada diri seseorang.

# **ISTIQAMAH**

Oleh: Syed Mohammad Al-Attas

**Allah berfirman:**

"Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: Allah itu Tuhan kami, kemudian mereka berpendirian teguh (istiqamah), maka malaikat-malaikat akan turun kepada mereka (berkata): jangan kamu takut dan jangan berduka-cita, dan terimalah berita gembira memperoleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

Kami menjadi pelindung kamu dalam kehidupan di dunia ini dan di hari akhirat. Disana kamu memperoleh semua apa yang menjadi keinginan jiwamu (hatimu), dan disana kamu memperoleh semua apa yang kamu minta, sebagai hidangan dari Tuhan yang Pengampun dan Penyayang." (Fussilat: 30-32)

**Pengertian Istiqamah**

Seorang sahabat bernama Sufyan bin Abdullah meminta kepada Rasulullah supaya menerangkan kepadanya dalam satu kalimat yang pendek tentang intisari dan hakikat ugama Islam. Diharapkan-nya, keterangan ini hendaklah demikian lengkap dan mencakup secara keseluruhan, sehingga tidak perlu lagi ditanyakannya soal itu kepada sesiapapun pada masa yang akan datang.

Rasulullah memenuhi pengharapan

Sufyan bin Abdullah itu dengan mengatakan:

• قُلْ آمَنْتُ بِاللّٰهِ ثُمَّ أَسْتَقْرُ

• (رواه مسلم)

**Artinya:**

"Katakanlah: Saya percaya (beriman) kepada Allah, kemudian pegang teguhlah pendirian itu (istiqamah)."

(Hadis Riwayat Muslim)

Dari jawaban tersebut ada dua hal yang merupakan pokok.

Pertama iman; Kedua, istiqamah.

Apakah arti istiqamah itu?

Perkataan istiqamah adalah berasal dari pokok kata istiqama. Ertinya menurut bahasa ialah tegak lurus. Adapun yang dimaksud dengan makna istiqamah menurut istilah ialah: berdiri teguh diatas jalan yang lurus, tegak tidak bergoyah dan bergoncang, dalam keadaan dan situasi yang bagaimanapun.

Tidak ubahnya laksana batu karang ditengah-tengah lautan, yang tidak bergeser sedikit juga, walaupun dipukul oleh gelombang yang bergulung-gulung. Atau seperti pohon yang tertancap akar-

nya jauh kedalam bumi, sehingga tidak condong ketika bertiup angin yang kenang. Tidak seperti baling-baling diatas bukit yang berputar-putar menurut arah angin yang berhembus.

Jadi, seorang yang istiqamah ialah seorang yang mempunyai pendirian yang teguh, tidak dapat diblokkan kekiri dan kekanan, tidak bertekuk lutut kerana go-daan, tidak patah kerana pukulan, tidak menyerah kerana hebatnya rintangan.

### Pegangan hidup

Istiqamah itu bukan saja menyangkut dengan soal sikap hidup, tetapi juga merupakan satu khittah, satu penggarisan atau pegangan pokok dalam kehidupan.

Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Addaramy dari Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah S.A.W. pada satu ketika membuat satu garisan lurus dihadapan beberapa orang sahabat. Kemudian beliau membuat pula garis lurus itu membelintang di kanan kirinya lurus itu. Sambil menunjukkan garis yang lurus itu beliau berkata:

هذَا سَبِيلُ اللَّهِ .

"Inilah sabiullah (jalan yang direhui Tuhan)"

Kemudian beliau menunjukkan pada garis-garis yang banyak yang dikiri dan kanan garis lurus itu dan berkata:

هذِهِ سَبِيلٌ عَلَى كُلِّ سَبِيلٍ مِنْهَا  
شَيْطَانٌ يَدْعُوا إِلَيْهِ .

"Inilah jalan yang bersimpang siur. Pada tiap-tiap jalan itu ada syaitan yang selalu merayu."

Setelah itu beliau membaca ayat Al-Quran yang berbunyi:

**Ertinya:**

وَأَنْ هَذَا أَصْرَاطٌ يَمْسِكُهُمْ  
نَّا تَتَبَعُوهُ وَلَا تَتَقْبِعُوا عَلَى السَّبِيلِ  
فَتَفَرَّقُ بَعْدَمْ كُمْ عَنْ سَبِيلِهِ  
ذَلِكُمْ وَمَنْ كُمْ بِهِ  
لَكُمْ مُتَّقِّدُونَ .

• ( 153 : لائحة )

"Sesungguhnya inilah jalan-jalanku yang lurus, maka turutilah. Janganlah kamu turuti jalan-jalan (yang lain), kerana kamu terpisah dari jalan Tuhan. Itulah yang dinasihatkan (diperintahkan) Tuhan. Kepada kamu, mudah-mudahan Kamu menjadi taqwa." (Al An'am: 153)

Jalan lurus yang dimaksudkan oleh Rasulullah itu, dan ditegaskan pada ayat tersebut diatas ini, ialah Dinullah ugama Islam.

Islam adalah satu-satunya ugama yang benar pada sisi Allah, yang sesuai dengan fitrah manusia. Islam menunjukkan jalan kepada manusia untuk mencapai kehormatan hidup rohaniah dan jasmaniah, serta kebahagiaan hidup

didunia dan akhirat.

Pada ayat tersebut diatas Tuhan memerintahkan supaya manusia mengikuti jalan yang lurus lempang (siratal-mustaqim) itu, jangan menuruti jalan yang bersimpang siur. Sebab jalan yang bersimpang siur itu hanya menyesatkan manusia, menimbulkan perpecahan dan lain-lain akibat yang buruk.

Islam adalah ugama yang lurus, dinul-qaiyimah. Ajaran-ajaran dan peraturan ugama Islam harus diterapkan dalam kehidupan, dengan jujur dan ikhlas. Manusia diperintahkan hanya menyembah kepada Allah, yang telah menunjukkan pedoman itu untuk kebahagiaan manusia sendiri. Hal ini ditegaskan dalam Al-Quran:

وَمَا أَمْرَرُوا إِلَّا لِيُعَذِّبَ وَاللَّهُ  
مُخْلِصٌ لِهِ الدِّينَ حَنْفًا  
وَيَقِيمُ وَالصَّلَاةَ وَيَوْمَئِو  
الْأَزْكُوْةَ وَذَلِكَ دِرِينَ القيمةَ  
(البيتنة : ٥)

#### Artinya:

Dan mereka hanya diperintahkan supaya mehyembah Tuhan, dengan tulus ikhlas berugama untuk Tuhan semata-mata, berdiri lurus, menegakkan sembahyang dan membayar zakat. Itulah agama yang lurus.”

(Al-Baiyinah: 5)

#### Iman dan Istiqamah

Iman dalam kehidupan manusia adalah laksana landasan bagi sebuah bangunan. Tiang-tiang, dinding dan bahagian-bahagian bangunan lainnya akan tegak tanpa bergoyang jika dibangun diatas landasan yang kuat. Tetapi walaupun bahan-bahan bangunan itu mutunya baik; tetapi ditegakkan diatas landasan yang lemah maka bangunan itu akan mudah robuh atau menjadi longsor apabila mendapat guncangan gempa atau tiupan angin yang kencang.

Sesebuah bangunan yang berdiri tegak dalam suasana dan keadaan bagaimanapun, itulah yang dinamakan istiqamah; sedang landasannya yang diperbuat dari besi itu diumpamakan laksana iman.

Sebagai perbandingan yang demikian, Al-Quran menggambarkan kepercayaan (iman) kepada Allah itu sebagai berikut:

الْمُتَرْكِيفُ فِرْبُ اللَّهِ  
مَثْلًا كَلِمَةٌ طَيِّبَةٌ كَشْجَرَةٌ طَيِّبَةٌ  
أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَغُرُونُهَا فِي  
السَّمَاءِ تَوْتِي  
أَكْلُهَا كُلَّ حِينٍ يَأْذِنُ رَبِّهَا .  
(ابراهيم : ٢٤ - ٢٥)

#### Artinya:

“Tidaklah engkau lihat bagaimana

Allah membuat perumpamaan tentang kalimatun-taiyibin (maksudnya sepoohn kayu yang baik, akarnya teguh dan cabangnya menjulang tinggi. Menghasilkan buahnya setiap masa dengan izin Tuhan.” (Ibrahim: 24-25)

Yusuf Aly dalam tafsirnya The Holy Quran, menjelaskan sebagai berikut: Pohon yang besar dan rendang itu mempunyai empat ciri iaitu:

1. Indah — Ianya memberikan kenikmatan pandangan kepada setiap orang yang melihatnya.
2. Teguh — Tidak bergoncang dipukul angin bادی, sebab akarnya tertancap jauh kedalam tanah.
3. Melindungi — Kerana dahan-dahannya yang rimbun dan tinggi dapat menahan panasnya terik matahari dan dengan sendirinya memberikan perlindungan (meneduh) kepada manusia, burung-burung dan

binatang-binatang yang berada diatas atau dibawah pohon itu.

4. Berbuah — Melimpahkan (menghasilkan) buah yang dapat dinikmati sepanjang masa.

Falsafah yang terkandung dalam ayat tersebut menerangkan bahwa orang yang beriman itu dalam kehidupan dan perjuangannya selalu bersikap teguh dan istiqamah. Tidak surut dari medan juang, tidak menyerah ditengah gelanggang, tidak berhenti ditengah jalan. Tidak dapat digertak. Tidak mudah disuap dan digoda. Malah dia menyediakan dirinya sebagai tempat berlindung diwaktu panas, Tempat berteduh ketika hujan. Menolong orang yang lemah, membela orang yang teraniaya dan dianiaya, menggembirakan orang yang kecewa, memberikan pengharapan kepada orang yang putus asa dan lain-lainnya.

وَلِيَغْفِرُوا وَلِيَصْفِحُوا أَلَا تَعْبُونَ أَن يُنْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ

وَاللَّهُ عَفُورٌ حَمِيمٌ

(النور: ٢٢)

Maksudnya:

Dan hendaklah mereka bermaaf-maafan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin; bahawa Allah mengampuni kamu. Dan Allah adalah Maha pengampun lagi Maha penyayang.

(Surah An-Nur, ayat: 22)

## HARAKAH ISLAMIAH

KERTAS  
CERAMAH

# HARAKAH ISLAMIAH DAN KITA

BAGI KURSUS SINGKAT  
WAKIL-WAKIL  
KE PERHIMPUNAN  
PERWAKILAN BINA  
YANG KETUJUH (1984)

Oleh: Haji Anis Haji Abot

1. Pendahuluan  
Alhamdulillah, segala puji bagi Allah. Salawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Mohammad (s.a.w.). Kertas ceramah ini dipersembahkan kepada saudara-saudara/saudari-saudari wakil ke Perhimpunan Perwakil BINA Yang Ketujuh adalah semata-mata merupakan saringan pendapat daripada ahli-ahli fikir Islam untuk direnung, dikaji dan dihayati hendaknya bagi mempertingkatkan lagi ketahanan peribadi dan keunggulan pertubuhan dan harakah Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu. Semoga dengan itu In-syaAllah, BINA akan terus menjadi wadah perjuangan umat Islam - khususnya "Survival" Ummah di bumi Kenyalang ini.
2. Harakah Islamiah  
Harakah ialah "gerakan atau pergerakkan" dalam Bahasa Inggeris di sebut MOVEMENT yang bererti: "Tindakan dan usaha bersatu sekumpulan orang untuk sesuatu tujuan istimewa" (1). Kalau definisi ini dilebarkan kepada definisi ISLAMIAH yang bakal digunakan untuk menyeru kepada nilai-nilai yang baik dan hak dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkarana, maka Harakah Islamiah itu dapatlah diertikan "tindakan dan usaha bersatu segolongan ummah" - iaitu jemaah yang padu oleh kesatuan akidah dan kaedah serta kerapian peta dan rencana (2) yang menyeru kepada kebaikan - menyeru kepada yang ma'arup dan

mencegah daripada yang mungkar.

Harakah Islamiah itu adalah Harakah "jihad fisabilillah" kerana ianya adalah pernyataan atau manifestasi kepada hakikat umat ini - umat pemegang amanah Tuhan - umat yang di pertanggungjawabkan dengan tugas jihad.

### 3. Rangka Perjuangan

Keseluruhan rangka perjuangan Islam ialah pertarungannya dengan "jahiliah" iaitu sesuatu yang bertentangan dengan dasar dan arahan-arahan Islam yang sebenarnya.

Dalam melakukan perjuangan ini ada 2 cara dilakukan iaitu: (i) Tajdid dan (ii) Tajaddud. Tajid ertinya: Usaha untuk mengerakkan semula Islam dalam bentuknya yang asal dan untuk membangun semula susunan kehidupan dan kemasyarakatan menurut nilai-nilai dan prinsip Islam. Tajaddud ialah: melakukan sesuatu untuk perjuangan Islam tetapi berdasarkan kepada salah satu di antara: membuat satu tolak ansur di antara Islam dengan "jahiliah" dan Islam ATAU nilai-nilai/dasar akan diperolehi daripada masyarakat bukan Islam dengan bersadurkan Islam.

Meskipun kedua-dua bentuk perjuangan di atas itu - iaitu Tajdid dan Tajaddud dianggap mempunyai unsur-unsur dinamik tetapi tujuan perubahan perjuangan Islam ini akan hanya dicapai melalui Tajdid dan bukan Tajadud sebab Tajdid adalah merupakan SATU PENYAMBUNGAN RISALAH NABI-NABI DALAM MELAKSANAKAN ISLAM (3).

### 4. Matlamat

Jelaslah kepada kita bahawa matlamat pergerakan Islam bukanlah merupakan sekadar perjuangan bagi pemberian perkara-perkara sampingan sahaja tetapi adalah satu gerakan yang mencakupi semua aspek kehidupan - Harakah Islamiah ini bertujuan memperbaiki akidah, mempertinggi kan ekonomi dan seterusnya mendapat kekuasaan. Kerana tanpa ini semua, risalah "amar ma'arup dan nahi mungkar" tidak akan berhasil.

### 5. Landasan

Oleh yang demikian, kita mestilah mencari landasan yang baik bagi mencapai matlamat yang besar ini. Untuk itu Harakah Islamiah haruslah sentiasa belajar dari sejarah dan pengalaman. Al-Quran Al-Karim banyak sekali menarik perhatian kepada perihidup umat di zaman silam yang kaya dengan khazanah iktibar untuk dipelajari dan diteladani. Assunnah juga memperingatkan kita tentang peri pentingnya belajar dari pengalaman agar kita tidak mengulangi kesalahan yang sama. Sabda Rasulullah (s.a.w.): "Orang mukmin tidak di patuk dua kali dalam satu lobang" (4).

**Fakta-Fakta Yang Diambil Kira**  
Sebelum kita menetapkan satu-satu landasan bagi perjuangan itu, maka ada dua fakta penting yang harus diambil kira terlebih dahulu yang boleh di simpulkan dalam dua perka taan iaitu fakta-fakta kekuatan dan fakta-fakta kelemahan.

Fakta-fakta kekuatan dapatlah di simpulkan seperti apa yang telah

di rumuskan oleh Assaiyid Sabik dalam bukunya Anasir Alquwah Fil-Islam terhadap unsur-unsur kekuatan umat Islam di zaman silam:-

- a). Keimanan kepada Allah - keimanan yang memberi kebebasan yang hakiki kepada jiwa manusia;
- b) Berpegang teguh dengan hak/kebenaran sehingga membawa kepada penghancuran segala kebatilan yang ditemui,
- c) Mengenali Kelemahan Jiwa dan bertindak membersihkan diri daripadanya, sehingga jiwynya meningkat menuju puncak kemuliaan dan ketinggian rohaniah;
- d) Menguasai ilmu yang membina keperibadian insan dan ilmu yang menyingkapkan hakikat-hakikat ujud material dan yang disebalik alam material (metafizikal);
- e) Menguasai sumber-sumber kekayaan, memakmurkan bumi, memajukan segala sumber alam, memanfaatkan segala sesuatu yang terdapat di alam ini yang berupa berakah dan kebajikan daripada Allah serta mengagihkan dan meratakan di kalangan manusia dengan adil dan mencukupi;
- f) Mendirikan masyarakat yang berdasarkan kemerdekaan, keadilan dan persamaan dibawah perlindungan undang-undang yang membawa kerehatan rakyat, masyarakat yang bekerja kuat, masyarakat

kasih sayang dan mempunyai pemerintah yang salah - pemerintah yang berkhidmat untuk kebahagiaan ummah.

- g) Mengujudkan kesejahteraan sejagat yang berasaskan dasar menghormati kemanusiaan dan hak-hak milik;
- h) Menghormati segala perjanjian dan persetiaan yang telah dipersetujui bersama;
- i) Semangat sedia berkorban dan mati syahid dalam membela kebenaran dan kehidupan yang bebas dan mulia (5).

Fakta-fakta kelemahan pula adalah dirumuskan dalam beberapa perkara. Untuk itu barangkali dapat kita teliti seperti ulasan yang dibuat oleh Yusuf Al-Qardawi mengenai sebab-sebab kekalahan Arab di dalam perang melawan Isarel 1967. Beliau menyatakan sebab-sebabnya banyak tetapi semuanya adalah sebab-sebab ranting dari satu sebab pokok iaitu: umat ini telah lupa diri dan hilang peribadi - iaitu ketika ia lupakan Allah dan meninggalkan ajaran dan petunjukNya. Inilah sebab sebenar, sebab yang sama yang telah membawa kehilangan Andalusia dan Palestin. Meninggalkan Islam - Islam sebagai satu persatuan akidah, syariah, akhlak, pemikiran dan perasaan telah mengakibatkan:-

- a) Ketandusan semangat berkorban dan keinginan kepada syahid. Sebaliknya tumbuh suburlah "ALWAHNU" - penyakit yang tidak dapat

- disembuhkan dengan kekuatan senjata, latihan, pimpinan dan "teknik strategi".
- b) Pemencilan Arab dari saudara-saudara Muslimin yang lain oleh jurang Nasionalisme sekular.
  - c) Perpecahan di kalangan umat Arab sesama sendiri.
  - d) Ujudnya jurang antara pemerintah dengan rakyat: Pemerintah berpegang dengan idealogi sekular ciptaan manusia, sedangkan majoriti rakyat masih berpegang dengan Islam yang hakiki. Pemerintah yang telah melimparkan hukum Tuhan, berkuasa luasa mengukuhkan kedudukannya dengan menindas rakyat.

Ketika rakyat dikerah menentang Yahudi, mereka merasa serba salah. Mereka takut kepada kedu-dua; kekalahan dan kemenangan. Seorang wakil Al-Azhar dalam Muktamar Ulamak (Rejab 1338) ketika mengulas trajedi 1967 itu berkata: "Sekiranya kita menang dalam keadaan kita bergelombang dalam kecelaan dan penyelewengan nescaya kita akan menjadi semakin berani mencabul larangan Tuhan.

- e) Perpecahan di kalangan rakyat sendiri.
- f) Berluas-luasnya kehidupan berpoya-poya dalam kemaksiatan dan kemungkaran.
- g) Akibat terakhirnya ialah melupai Allah ketika mengharungi medan

perang - merasakan tidak memerlukan pertolongan Allah - cukuplah kata-kata pemerangsang para seniman dan seniwati pujaan mereka. Mereka melangkah ke medan perang dengan angkuh, sombong dan dalam keadaan bergelombang dosa.

Tidak kedengaran pesanan TAQWA daripada pemimpin tentera, seperti yang pernah di pesankan oleh Khalid Ibn Al-Walid (r.a.) kepada tenteranya di medan perang Alyarmuk: "... bawha hari ini adalah salah satu dari hari-hari Allah yang tidak harus ada unsur-unsur keangkuhan dan kedurhakaan, tetapi seluruh jiwa raga haruslah tulus berjihad pada jalan Allah" ATAU pesanan seperti yang di sampaikan oleh Umar Ibn Al-Fattab (r.a.) kepada panglimanya: "Kita hanya mungkin menang dengan sebab kedurhakaan musuh-musuh terhadap Allah dan ketaatan kita kepadaNya. Kalau kita sudah sama-sama berbuat maksiat, maka mereka mengatasi kita dari segi kekuatan" (6)

6. Langkah selanjutnya  
Setelah jelas serba sedikit kepada kita tentang Fakta-Fakta Kekuatan dan Kelemahan umat ini, maka langkah-langkah seterusnya perlulah difikirkan untuk Harakah Islamiah dalam kontek dan pengertian semasa.

Dalam sejarah pemikiran dakwah dan bolehlah dianggap

sebagai satu yang serasi kepada Harakah Islamiah terdapat berbagai-bagi istilah. Istilah-istilah yang paling luas penggunaannya ialah "Makkiyah dan Madaniyah" dan istilah-istilah seperti Ad-aia'yah (penjelasan), Atta'rif (pengenalan), Attabsyir (penyukaan dengan kebaikan agama), Attaqwim (pembinaan barisan) dan Attamfiz (pelaksanaan).

Istilah Makkiyah merujuk kepada MAKKAH itu adalah derti-kan sebagai tahap persiapan yang tertumpu sepenuhnya kepada indoctrinasi tauhid yang merupakan satu-satunya pola dakwah yang berjalan sepanjang 13 tahun. Dengan lain perkataan tahap MAKKI adalah Tahap Akidah yang masih belum menjelma tindakannya dalam kehidupan sehari-hari.

Seterusnya istilah Madaniyah yang merujuk kepada zaman MEDINAH dertiikan sebagai Tahap Pelaksanaan menyeluruh yang menggenapi segala bidang, sesuai dengan Islam sebagai satu agama yang lengkap. Dalam tahap inilah berlakunya peralihan yang cepat dalam Harakah Islamiah dengan memperlihatkan ciri-ciri tegas, terbuka dan "offensif" (7).

#### 7. Persiapan

Bertolak daripada keterangan-keterangan di atas jelaslah kepada kita bahawa kita memerlukan persiapan untuk (i) MEMPERKENALKAN ISLAM dengan berkisar kepada Ad-aia'yah, Atta'rif dan Attabsyir dan (ii) MEMBERI KESEDARAN dengan berkisar kepada Attaqwim dan Attamfiz kepada segenap masyarakat.

(i) Untuk memperkenalkan Islam dan memberi kesedaran kepada masyarakat haruslah pula kita menyedari, bahawa keadaan sudah berubah - perubahan ini harus diakui sebagai kenyataan dan setiap Harakah mestilah menyesuaikan program dan strateginya dengan perubahan ini. Dunia sekarang ini di perintah oleh Teori Kemasyarakatan yang terperinci.

Jika kita menyeru manusia kepada Islam, kita harus juga mengemukakan kepada mereka Teori Kemasyarakatan Islam secara terperinci pula: ..... jadi sama sekali tidak cukup, kalau sekarang ini kita menyeru mereka kepada Islam dengan ringkas dan pendek-sahaja sebagaimana yang dilakukan di zaman Rasulullah (s.a.w). Dalam zaman itu belum ada teori-teori kemasyarakatan yang menentang Dakwah Islamiah.

Selama Islam mempunyai teori-teori yang lebih maju dari semua teori yang dikenal oleh manusia sekarang ini, kenapa kita tidak mengemukakan teori-teori ini dalam bentuk yang dapat disesuaikan dengan kehidupan yang ada sekarang, dengan segala hubungannya, situasi-situasi yang mengelilingnya dan keperluannya pada waktu kita menyeru manusia kepada Islam (8).

Sehubungan dengan itu kita mestilah menyediakan tenaga-tenaga intelektual dalam Harakah Islamiah kita untuk membuat penganalisaan dalam semua aspek yang bersangkutan paut dengan keadaan masyarakat

Islam dalam semua hal. Kerana apa yang kita mahu ialah supaya "nilai-nilai ketinggian dan dasar-dasar Islam haruslah disampaikan dalam bahasa yang mengertikan oleh rakyat semasa. Ini memerlukan: bahawa konsep-konsep yang bertentangan dengan Islam yang ada pada waktu itu mestilah dipelajari secara bersungguh-sungguh, dianalisa dan didebadkan kepada kritik-kritik. Dasar-dasar Islam haruslah dikemukakan dengan demikian caranya supaya keserasiannya dan ketinggiannya yang melebihi dasar-dasar yang telah diasas oleh kepalsuan dan oleh ideologi buatan manusia itu dapat dibuktikan." (9)

- (ii) Untuk memberi kesedaran kepada segenap masyarakat, kita amat memerlukan kepada Attaqwim, iaitu peringkat pembinaan barisan atau bunuhansatu barisan dalam harakah yang tersusun rapi sesuai dengan firman Allah: "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan Allah dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka itu seperti bangunan yang tersusun kukuh" - Assaf 61.

Memanglah dalam peringkat Taqwim ini kita memerlukan satu daya usaha yang benar-benar gigih. Sebab Barisan yang dikehendaki itu tidak akan sempurna kalau kita hanya mengadakan Barisan/Harakah tanpa mengambil kira terhadap ciri-ciri harakah yang kita kehendaki. Umpamanya mengambil kira dan berusaha mengujudkan ciri-ciri seperti berikut:-

- (i) Asas-asas moral dalam kehidupan sehari-hari haruslah dibangunkan

semula supaya dengan itu ciri-ciri keislaman yang sebenarnya dapat dibangunkan dalam diri masing-masing dan juga orang lain serta melibatkan semua pihak dalam usaha membangun semula dan membina kembali kehidupan menurut Islam.

- (ii) Harakah ini juga mestilah secara teratur membina kualiti dan berusaha mengujudkan anggota-anggota pendokong-pendokongnya yang berkualiti.

Sesungguhnya hanya setelah muncul sekumpulan orang yang menggabungkan pandangan Islam yang benar dan ciri-ciri keislaman, bergandingan dengan kemampuan intelektual dan kemahiran yang dikehendaki untuk mentadbir dunia serta mengumpul bagi kegunaan bersama segala kekuatan dan sumber-sumber kekayaan dan lantas berjuang dengan cara-cara yang sistematis sahajalah, maka penubuhan kekuasaan Islam itu akan diizinkan oleh Allah (10).

#### Penutup

Untuk itu semua jelaslah kepada kita bahawa KITA sebagai anggota satu pertubuhan yang telahpun diujudkan untuk mencapai matlamat yang suci itu sewajarnyalah sentiasa memikirkan dan berusaha untuk menjadikan BINA:-

- (i) Sebagai satu pertubuhan Islam yang tersusun rapi lagi kuat,  
(ii) Menyatukan seluruh tenaga intelektual Islam ke dalam Barisan kita untuk memperkuuhkan perjuangan.  
(iii) Membina dan mengujudkan kualiti pendokong-pendokong

- BINA yang merupakan satunya wadah perjuangan kita:
- (iv) Membangun dan memelihara ke dalam setiap diri anggota BINA ciri-ciri ke Islam yang sebenarnya dan menghidupkan Islam itu dalam diri masing-masing.
  - (v) BINA Hendaklah berfungsi sebagai sebuah badan yang menjalankan Ad-dia'yah, Atta'rif dan Attabsyir. Para daienya haruslah sanggup dan mampu mengemukakan teori kemasyarakatan Islam secara terperinci.

Semoga Allah akan memberi taufik dan hidayahNya kepada kita semua dan menerima amalan kita sebagai IBADAH disisiNya. WASSALAM.

"IBADAHKU HIDUP MATIKU KERANA ALLAH"

Haji Anis Haji Abot  
Kuching  
4 Ogos, 1984.

### Rujukan

- (i) Al-Quran
- (ii) Al-Hadith
- (iii) Sumber-sumber lain
  - (1) Kamus Dewibahasa DBP
  - (2) Usluh Addakwah — Sidek Fadzil.
  - (3) Khurshid Ahmad — MAWDUDI — An Introduction to his life and thought.
  - (4) Usluh Addakwah — Sidek Fadzil.
  - (5) Nasirul Quran Fil-Islam — Syed Sabik.
  - (6) Dars Annukhbah Athaniah 1969
  - (7) Usluh Addakwah — Sidek Fadzil
  - (8) Dirasad Islamiah — Syed Khutub
  - (9) Khurshid Ahmad — MAWDUDI — An Introduction to his life and thought.
  - (10) Khurshid Ahmad — MAWDUDI — An Introduction to his life and thought.

"Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu ni'mat Ku, dan telah Kuridhai Islam itu jadi agama bagimu".

(Al Maidah 3)

# **ABU BAKAR LUASKAN WILAYAH ISLAM**

Oleh: Penulis Undangan

Di peringkat awal zaman pemerintahan Abu Bakar, kedudukan pentadbiran negara Islam Madinah agak kucar-kacir. Keadaan ini adalah merbahaya pada kesejahteraan negara itu jika sekiranya tidak diambil satu tindakan yang bersifat sertamerta dan tegas.

Ancaman-ancaman yang mengganggu-gugat negara Islam ini berlaku selepas daripada kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Ancaman-ancaman tersebut seperti timbulnya nabi palsu, orang-orang yang enggan membayar zakat, meninggalkan ajaran-ajaran Islam dan juga ada di antaranya yang telah kembali kepada agama asal mereka dahulu.

Walau bagaimanapun kerana

adanya usaha yang gigih, licin dan tegas daripada Khalifah Abu Bakar, semua anasir yang menganggu-gugat ketenteraman negara Islam itu dapat dipatahkan satu demi satu.

## **PERISTIWA DAN LANGKAH-LANGKAH ABU BAKAR:**

Satu daripada usaha yang paling asas yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar dalam usahanya untuk menegakkan semula agama dan negara Islam yang terancam itu ialah dengan menamatkan sengketa di kalangan masyarakat Madinah dalam soal menentukan siapakah pengganti Nabi. Peristiwa yang berlaku di Balai Bani Saidah merupakan titik awal perpecahan di kalangan umat Islam jika sekiranya satu tindakan yang tidak bijak dilakukan.

Dalam perbincangan dan perbalahan yang berlaku di Balai Bani Saidah, Abu Bakar tidak membenarkan Umar Al-Khattab bercakap ataupun campur tangan. Abu Bakar tidak mahu Umar juga terlibat dalam suasana yang tegang ini. Tindakan Abu Bakar ini merupakan satu tindakan yang berpandangan jauh dan bijak.

Andainya diizinkan Umar bercakap dalam suasana yang sedemikian rupa, keadaan akan menjadi bertambah tegang kerana Umar terkenal sebagai seorang yang bersikap keras dan tetap dengan keputusannya. Sebaliknya dengan adanya satu pertimbangan yang wajar daripada Khalifah Abu Bakar, masalah itu dapat diselesaikan dengan mudah dan dapat memuaskan hati golongan Muhajirin dan juga orang Ansar.

Selain daripada itu, Abu Bakar juga meneruskan gerakan perluasan wilayah

di luar negeri. Beliau melanjutkan gerakan yang dipimpin oleh Usamah bin Zaid untuk melancarkan serangan ke atas tentera Rome di Ghassan. Langkah ini dilakukan sebagai lanjutan daripada usaha yang dilakukan oleh Nabi sendiri.

Ada juga golongan yang tidak berpuas hati dengan perlantikan Usamah sebagai ketua tentera. Umpamanya, Umar: Beliau mengatakan Usamah tidak sesuai memimpin satu angkatan tentera kerana beliau terlalu muda. Dalam menghadapi persoalan ini, Abu Bakar tetap dengan keputusannya.

Beliau tidak mahu menjadikan persoalan ini sebagai bibit tidak puas hati di kalangan rakyat dan pembesar negara. Dalam menghadapi persoalan atau keputusan yang dahulunya dibuat oleh Nabi.

Akhirnya pihak tentera yang dipimpin oleh Usamah telah dapat mengalahkan tentera Rome setelah berperang selama kira-kira 40 hari. Kemenangan yang dicapai ini merupakan satu petunjuk utama pada dunia luar bahawa Islam merupakan satu kuasa yang kuat walaupun ketiadaan pemimpin besarnya iaitu Nabi Muhammad.

Di samping itu, golongan dalam Islam yang merasa tidak puas hati terhadap kedudukan Usamah sebagai ketua tentera mulai berdiam diri.

Jasa Abu Bakar yang ketiga yang tidak dapat dilupakan dalam detik sejarah Islam ialah kejayaannya menghapuskan gerakan Al-Riddah, kemunculan nabi-nabi palsu dan kemunculan golongan yang enggan membayar zakat.

Dalam menyentuh persoalan kemunculan nabi-nabi palsu ini, banyak sebab-sebab yang dapat kita lihat kenapa persoalan ini menjadi satu fakta sejarah

dalam zaman Khalifah Abu Bakar. Antara faktor-faktor kemunculan mereka ini ialah:

i. Setengah daripada golongan Arab yang memeluk agama Islam itu memeluk agama Islam bukan berteraskan kepercayaan yang hakiki tetapi hanya merupakan ikutan sahaja. Mereka tidak begitu faham dengan mendalam tentang ajaran Islam. Golongan ini amat mudah dipengaruhi dan dipesongkan akidah mereka apabila timbulnya gerakan orang murtad selepas kewafatan Nabi.

ii. Ada juga sebahagian daripada golongan yang memeluk Islam itu memikirkann bahawa Islam tidak wujud lagi selepas daripada kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Selepas sahaja Nabi wafat, golongan ini mengambil keputusan untuk kembali semula kepada agama asal mereka.

iii. Di kala ini juga timbul golongan-golongan yang mengakui diri mereka sebagai nabi. Golongan yang mengakui diri sebagai nabi ini bertujuan untuk mendapatkan sesuatu bagi kepentingan peribadi. Antaranya ialah Musailamah, Aswad di Yaman serta Tulaiyah bin Khuwalid.

iv. Selain daripada itu terdapat juga satu golongan yang salah faham tentang zakat. Ada setengahnya menganggap bahawa zakat itu tidak perlu lagi dikeluarkan setelah Nabi tidak ada. Pada mereka, zakat itu seolah-olah satu bentuk ufti pada Nabi bukannya sebagai salah satu daripoda rukun Islam.

Golongan ini masih mengakui diri mereka sebagai Islam tetapi enggan membayar zakat. Bagi Abu Bakar, golongan ini juga harus dihadapi kerana keangganan membayar zakat, itu merupakan satu bentukan penentangan

kepada agama Islam secara terus terang.

v. Selain daripada aspek di atas, terdapat juga beberapa golongan masyarakat Arab di kala itu memeluk agama Islam dengan tujuan untuk mengelakkan perperangan dengan pihak Islam, inginnya perlindungan Islam dan dapat berkongsi harta perperangan selepas sesuatu perperangan yang berlaku.

vi. Sebahagian kecilnya pula memeluk Islam di peringkat awal dahulu kerana mengagumi peribadi nabi. Mereka ini mengambil tindakan untuk keluar daripada Islam apabila Nabi telah wafat.

Antara nabi-nabi palsu yang cuba mencari pengikut itu ialah Tulaiyah Al-Asadi, Musailamah Al-Kazzab dan Al-Aswad Al-Ansi. Golongan yang enggan membayar zakat pula diketuai oleh Abdul Malik bin Nuwairah. Beliau mendapat sokongan yang begitu kuat daripada Bani Tamin dan Yarbu.

#### USAHA MEMPERKUATKAN NEGARA ISLAM:

Dalam usahanya untuk mengukuhkan negara Islam dan juga ajarannya, Abu Bakar telah menghantar utusan untuk memujuk golongan yang menderhaka ini supaya kembali semula kepada ajaran Islam. Apabila tindakan secara lembut dan bertolak ansur ini masih gagal, Abu Bakar bertindak dengan menghantar ketumbukan tentera untuk menghadapi mereka.

Dalam gerakan ketenteraan, kita dapat melihat antaranya:

i. Khalid Al-Walid telah dihantar untuk memerangi Tulaiyah bin Khuwailid yang bergerak di Najd.

ii. Akramah bin Abi Jahal dihantar

untuk memerangi Musailamah Al-Kazzab. Walau bagaimanapun, beliau telah dikalahkan oleh Musailamah. Untuk mengatasinya, Khalid Al-Walid telah dihantar pula untuk memberikan pertolongan. Gerakan ini dilakukan di Yamamah.

iii. Gerakan ketenteraan yang ketiga pula dipimpin oleh Muhamir bin Abi Umayyah untuk menentang Al-Aswad Al-Ansir di Sana'a.

Selain daripada gerakan di atas, Khlaid Al-Walid juga ditugaskan untuk memerangi golongan yang enggan membayar zakat. Abu Bakar telah mengambil tindakan yang tegas terhadap orang-orang yang enggan membayar zakat ini kerana zakat ini merupakan sebahagian daripada rukun Islam.

Keengganan mereka untuk membayar zakat bermakna mencacatkan ajaran Islam secara keseluruhannya. Dalam mempastikan supaya agama Islam tidak cacat dengan anasir-anasir ini, Khalid Al-Walid telah ditugaskan untuk memerangi pengikut-pengikut Malik bin Muwairah daripada Bani Tamin dan Yarbu.

#### PERLUASAN WILAYAH:

Selain daripada mengatur langkah memperkuatkan semula akidah Islam di kalangan rakyat, Abu Bakar juga mengambil tindakan untuk meluaskan wilayah melalui aktiviti ketenteraan. Ia telah menghantar kira-kira 4,000 orang tentera untuk menghadapi tentera Romawi dan Parsi.

Beberapa buah jajahan Parsi seperti Iraq telah dapat ditawan. Wilayah-wilayah lain yang dimasukkan ke dalam tanah jajahan Islam ialah Syria dan Palestin.

Oleh kerana tindakan askar-askar Islam begitu memuaskan, baik dan Islam memperkenalkan dasar pentadbiran yang adil di kawasan yang ditawan, ramai pula penduduk-penduduk di wilayah yang ditawan itu memeluk agama Islam. Cara ini dapat kita anggap sebagai satu langkah positif yang dilakukan oleh Abu Bakar dalam usahanya memperkuatkan negara Islam selepas kewafatan Nabi.

#### PENGUMPULAN AL-QURAN:

Disebabkan timbulnya gerakan Ar-Riddah (Gerakan Orang Murtad), ramai para penghafal Quran telah mati syahid. Melalui nasihat Umar satu usaha pengumpulan Quran telah dijalankan. Ayat-ayat Quran yang ditulis di atas tulang, kulit dan sebagainya telah dikumpulkan. Tugas penyusunan dan menulisnya diberikan pada Zaid bin Thabit.

#### MENGUATKAN AJARAN ISLAM:

Abu Bakar juga mengadakan satu langkah di mana ajaran Islam akan diperkuatkan keluar daripada Madinah. Dalam mencapai matlamat tersebut, ia telah menghantar utusan ke wilayah-wilayah Teluk Parsi untuk mengembangkan ajaran Islam. Para pendakwah

yang terlibat ialah Huzaifah bin Muhsin dihantar ke Umman, Khalid bin Saed dihantar ke Syam dan Al-Ala Hadzrami dihantar ke Bahrien.

Di samping itu, Abu Bakar juga melancarkan dakwah dan kempen untuk memperkuatkan kembali kepercayaan masyarakat Arab di Semenanjung Tanah Arab terhadap agama Islam.

Dalam menimbulkan sikap kepercayaan ini, Abu Bakar menunjukkan tindakan pemerintahannya yang bersikap adil, umpamanya memberikan bayaran ganti rugi kepada keluarga Malik bin Muwaahirah yang telah terkorban dalam gerakan Al-Riddah.

Abu Bakar tetap mementing keselamatan negara. Sebuah negara itu tidak cukup menumpukan perhatian bagi memperkuatkan diri dari dalam sahaja bahkan perlu juga mempertahankan diri dari serangan luar.

Dalam menghadapi ancaman luar, Abu Bakar terus menghantar ketumbukan tenteranya ke beberapa wilayah untuk menjamin supaya keamanan wujud. Khalid Al-Walid telah dihantar ke Syria dan Iraq kerana Abu Bakar membuat satu kesimpulan bahawa Parsi dan Romawi adalah musuh-musuh Islam yang utama di kala itu.

Berkata Imam Ahmad:

• "الْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفُرْقَانُ عَذَابٌ"

Artinya:

Bersatu dalam satu golongan adalah rahmat/sejahtera. Dan berpecah belah ada azab/sengsara.

## **“ISU MURTAD” DI SARAWAK**

# **Hanya satu peratus saudara baru murtad**

KUCHING, Rabu — Hanya satu peratus daripada 15,570 saudara baru yang memeluk Islam di negeri ini kembali semula ke agama atau kepercayaan asal mereka sejak lebih 10 tahun lalu.

Penolong Pegawai Kebajikan Majlis Islam Sarawak, Encik Mohamad Yakub, berkata sejak 1976 hingga awal tahun ini, 170 daripada 15,570 saudara baru itu murtad.

Jumlah yang murtad itu, katanya, termasuk 93 saudara baru lelaki. Kes murtad terbaru ialah awal tahun ini membabitkan seorang saudara baru wanita keturunan Bidayuh dari Kampung Tarat, Bahagian Kuching.

Wanita itu memeluk Islam pada 29 Mac 1972 tetapi murtad pada 17 Februari tahun ini.

Menurut Encik Mohamad Yakub, kira-kira 80 peratus daripada saudara baru yang memeluk Islam di negeri ini ialah keturunan Iban dan Bidayuh yang beragama Kristian.

“Kebanyakannya saudara baru murtad kerana perceraian dengan suami atau isteri yang beragama Islam. Selain itu, masalah kesempitan hidup turut menjadi punca saudara baru keluar daripada Islam.

“Sementara itu, sebab orang yang dilahirkan Islam keluar daripada agama pula ialah kerana terpengaruh dengan kegiatan penyebaran agama lain di kalangan umat Islam,” katanya.

Beliau bagaimanapun tidak memberi jumlah golongan itu di negeri ini. Katanya, MIS memandang berat masalah itu walaupun setakat ini belum ada undang-undang di negeri ini untuk mereka yang murtad.

Haji Mohamad meminta saudara baru yang menghadapi sebarang masalah atau umat Islam sendiri yang keliru dengan sesuatu keadaan sehingga boleh menjelaskan aqidah mereka, supaya menemui pegawai MIS bagi mendapatkan nasihat.

Menurutnya, selain kursus agama tiga kali setahun bagi saudara-saudara baru di Institut Dakwah Bina, pegawai MIS dengan kerjasama Institut Dakwah Islamiah mengadakan lawatan ke kawasan pedalaman bagi mengkaji masalah yang dihadapi oleh saudara baru di kawasan berkenaan.

Sumber:  
Berita Harian  
18 Jun 1987

# Agama Islam kini semakin bersinar di Jerman Barat

HAMBURG, Rabu (Bernama-DPA) — Semakin ramai kini memeluk Islam di Jerman Barat, sebuah negara di mana 84 peratus penduduknya terdiri daripada mereka yang beragama Kristian Roman Katolik atau Lutheran.

Di Pusat Islam Hamburg, sebuah daripada beberapa buah Pusat Islam di Jerman Barat, seramai 200 rakyat negara itu memeluk agama Islam tahun lepas.

Manfred Sorg, ketua Jabatan Penyatakan Penduduk Hamburg mengesahkan, semakin ramai penduduk Jerman Barat memeluk Islam.

Bagaimanapun, tiada perangkaan untuk menunjukkan jumlah penduduk Jerman Barat yang meninggalkan Kitab Injil untuk memilih Kitab Suci Al-Quran.

Erwin Bauer, penyunting majalah bulanan Al-Fadjr keluaran Pusat Islam itu menganggarkan jumlah keseluruhan umat Islam rakyat Jerman Barat ialah 10,000 orang.

Mereka memluk Islam kerana kecewa dengan gereja-gereja Kristian. Ramai antara mereka berkata, hubungan antara mereka dengan Kristian hanya terbatas kepada upacara-upacara seperti pembaptisan, perkahwinan dan pengebumian.

Bauer, 33, menganut agama Islam 13 tahun lalu. Ketika itu beliau melawat Pakistan dan berpeluang bertemu penduduk Islam di negara itu yang memperkenalkannya kepada Islam.

## Nilai positif

Beliau kemudian mempelajari Al-Quran di Qom, Iran dan selepas itu mempelajari bahasa Arab dan Parsi sebelum pulang ke Hamburg.

Bauer yang kecewa dengan Gereja Lutheran kini dikenali dengan nama Ali di kalangan rakan-rakan Islamnya.

"Saya tidak menghadapi kesulitan menjalankan Islam dengan nilai-nilai positif kebudayaan Jerman selagi ia tidak bertentangan dengan akidah," beliau menambah.

Bagi Sabine Schmidt, seorang pelajar bahasa di Universiti Hamburg, pintu hatinya terbuka kepada cahaya Islam setelah beliau meneliti cara hidup rakan-rakannya yang berbangsa Parsi, Arab dan Turki.

Gadis berusia 27 tahun itu mula mempelajari Islam secara serius hanya selepas bertemu bakal suaminya, seorang warganegara Lebanon.

Selepas dua tahun membaca buku-buku mengenai Islam dan mempelajari kitab suci Al-Quran, Sabine akhirnya melaftazkan dua kalimah syahadat.

Beliau mengakui keluarganya hingar-hingar bila mendapati beliau memeluk Islam.

Di pusat Islam di Hamburg terdapat pelbagai kegiatan mengenai Islam dan disitulah cahaya Islam terpancar dengan penuh seri dan ramai penganut baru mula mengucapkan dua kalimah syahadat.

Sumber: Berita Harian 18 Jun. 1987

# Mengapa saya memeluk agama Islam

Oleh: Dr. Ali Selmon Benoist  
(Seorang sarjana perubatan bangsa Perancis)

Sebagai seorang doktor dan anggota keturunan keluarga Katholik Perancis, maka pikiran-pikiran dari ilmu pengetahuan saya telah demikian kuatnya, sehingga sedikit sekali otak saya menerima pikiran-pikiran keagamaan. Bukan saya tidak percaya kepada Tuhan, tetapi dogma-dogma dan cara-cara peribadatan agama Kristen saya untuk merasai ke-Ada-an dari Tuhan itu.

Jadi rasa ke-Esa-an Tuhan yang telah bersemayam dalam diri saya, telah melarang saya untuk menerima dogma ketuhanan yang Tiga (Trinity), dan dengan demikian mengakibatkan saya tidak mempercayai agama Kristen.

Meskipun saya belum tahu apa-apa tentang Islam, saya telah lebih dahulu percaya akan bagian pertama dari kalimah Syahadah: La ilaha illallah (الله لا إله إلا) : "Tidak ada Tuhan melainkan Allah", dan akan isi Surah ke 112 dari Alqur'an yang berbunyi: "Katakanlah bahawa Tuhan (Allah) itu satu. Allah tempat memohon. DIA tak

pernah melahirkan dan tak pernah dilahirkan, dan tidak ada satupun menyerupai Nya."

Jadi alasan metafizikal inilah yang menguatkan keyakinan saya diatas. Misalnya, saya tidak boleh membenarkan pendeta-pendeta Katholik yang mengakui memiliki kekuasaan atas nama Tuhan, untuk mengampuni dosa-dosa manusia. Selanjutnya saya tidak pernah boleh membenarkan salah satu cara peribadatan Katholik, yang disebut "Communion", dimana dipergunakan roti "suci" (holybread) yang dianggap mewakili badan Nabi Isa (Jesus Christ), yang menurut anggapan saya adalah seperti cara totemistik yang biasa dijalankan oleh rakyat-rakyat sederhana (primitif) dimana badan dari totem keturunannya yang telah mati, mesti diberi makan setelah kematianya.

Perkara-perkara yang membuat saya pindah dari ke Kristinan saya, adalah kebersihan Islam, terutama pada waktu sebelum sembahyang. Tuhan telah

memberikan kita nyawa. Dia telah memberikan kita badan yang tak boleh kita abaikan. Menurut pendapat saya, Islam adalah agama yang paling sesuai dengan alam.

Perkara yang penting dan paling pasti akan pengabdianku kedalam Islam adalah Al-Qur'an. Saya mulai mempelajarinya, sebelum kesadaran timbul, dengan jalan pikiran Barat yang intelektual, dan saya banyak berhutang budi kepada karya Mr. Malek Bennabi, sebuah buku yang bertitel Le Phenomene Coranique, yang menyadarkan saya dan merasa aman. Adalah beberapa muka dari buku itu, terutama dalam bab yang bertajuk "Bukti", dimana beliau membuktikan bahawa ayat dari beberapa Al-qur'an, yang diturunkan 13 abad yang lalu ini, telah mengajarkan perkara-perkara yang tepat dan dapat dibenarkan oleh penyelidikan-penyelidikan ilmiyah dan paling moden sekalipun.

Hal inilah yang membuat saya sadar dan meyakini kebenaran kalimah Syghadah: "Muhammadar Rasulullah" (محمد رسول الله): Muhammad adalah utusan Allah.

Alasan-alasan inilah yang diajukan saya ketika secara resmi saya memasuki agama Islam pada tanggal 20 Februari 1953, di mesjid Paris dan didaftarkan sebagai seorang Muslim oleh Mufti Mesjid Paris, dan diberi nama Muslim: Ali Selman.

Saya sangat berbahagia dengan kepercayaan/keyakinan yang baru ini, dan menyatakan sekali lagi bahawa: "Saya bersaksi Tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad adalah abdi dan utusan Allah."

(Sumber: Islamic Review, Risalah).

## MUTIARA HIKMAT

# TIADA YANG KEKAL

Aku lihat zaman berganti-berputar  
Tidak ada dukacita yang tetap  
dan tidak pula sukacita  
Raja-raja membangun istana  
yang indah-indah  
Namun rajanya tidak ada yang kekal  
bahkan istananya pun tidak.

رأيَتُ الدَّهْرَ مُخْتَلِفًا يَدْوِرُ  
فَلَا حَزْنٌ يَدْوِرُ وَلَا سُرُورٌ  
وَسَيِّدُ الْمُلُوكِ بِهَا قَصْرًا  
فَمَا بَقَىَ الْمُلُوكُ  
وَلَا الْقَصْرُ

# **SAUDARA BARU SUNGEI BROK, SAMBUT HARI RAYA DI SURAU BARU**

Oleh: Fozdin Shah

Pada 1 Syawal 1407 Hijriah bersamaan 29hb Mei, 1987 yang lepas, penduduk Islam Sungai Brok Serian, telah berkesempatan menyambut hari raya Aidil Fitri 1407 di Surau baru mereka.

Sungai Brok ialah sebuah perkampungan suku bidayuh, salah satu suku kaum yang banyak sekali terdapat di bahagian pertama, negeri Sarawak.

Purata suku ini di kenali dengan nama dayak darat. Mereka lebih banyak berpegang dengan agama asal nenek moyang mereka yang bergelar "Pagang".

Kini sebahagian mereka telah menganut pula agama kristian, yang di warisi dari kesan-kesan penjajahan keluarga Brooke dan Koloni yang telah memerintah Sarawak lebih kurang seratus tahun yang lampau. semenjak Sarawak Merdeka dalam Malaysia, mulai dari tahun 1970 dan dalam masa Tun Hj. Abdul Rahman Yaakub menjadi Ketua Menteri Sarawak, suku ini telah banyak yang masok Islam menerusi pertubuhan

Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA).

Mereka yang telah masuk Islam ini terdapat di merata tempat dalam bahagian pertama seperti yang terdapat di kampong Belimbing yang di kenali masa ini dengan nama kampong Darul Islam, Padawan. Ada beberapa buah kampong lagi yang telah masuk Islam seperti Kampong Rayang yang diberi nama Darul Ihsan. Kampong Temurang, Kampong Dunuk, Kampong Sekubus (Darul Iman), Kampong Temong (Darul Falah) dan Kampong Tepoi. Kesemua mereka ini ialah dari suku Bidayuh (Dayak Darat) yang telah Islam.

BINA pada hari yang lepas telah menghantar sedikit bantuan hari raya dan beberapa orang guru agama ke kampong mereka untuk bersama mendirikan solat Hari Raya di mesjid dan surau mereka.

Di Sungai Brok ini mereka amat berasa bertuah sekali kerana dapat bersembahyang di Surau baru. Malah mereka telah di bantu menyambut hari



Bangunan Surau Baru Kpg. Sungai Brok, Serian, berharga \$50,000.00 bantuan kerajaan negeri Sarawak, nama surau ini ialah (Nul Hidayah) yang berarti chahaya petunjuk.

tersebut dengan sedikit belanja dari BINA dan seekor kambing jantan yang besar sedekah dari seorang hartawan Islam di Kuching.


Surau baru mereka ini ialah derma dari Kerajaan Negeri berharga kira-kira \$50,000.00 ringgit yang baru siap sebelum hari raya lepas. Bangunan itu dibina di atas tanah yang diwakaikan oleh semua penduduk di situ.

Di masa yang akan datang BINA

telah bercadang akan menghantar seorang guru agama ke tempat ini untuk membimbing mereka supaya benar-benar menjadi orang Islam yang berguna kepada masyarakat, bangsa dan agama di kemudian hari kelak.


Kita berasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana sinaran agama Islam telah dapat menembusi hati dan jiwa mereka dengan taufik dan hidayah dari Allah.

Allahu Akbar Walillahil Hamdu.



# Haji Dan Umrah

PETIKAN DARI BUKU BERTAJUK  
“PEDOMAN ILMU FIQH” OLEH  
(HAJI OSMAN BIN JANTAN)



*Berginilah keadaan bila musim Haji tiba.*

**HAJI:** Ertinya berkunjung ke Baitullah dan tempat-tempat yang tertentu, pada masa-masa yang tertentu dengan niat hendak menunaikan ibadat haji.

Pekerjaan haji dapat diringkaskan sebagai berikut: Wuqf di 'Arafah, bermalam di Muzdalifah, melontar Jamrah, bercukur, bermalam di Mina.

### **Hukumnya**

Fardhu 'Ain, sekali saja dalam seumur hidup. Firman Allah:

وَلِلّٰهِ عَلٰى النَّاسِ حُجَّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

"Allah mewajibkan Haji ke Baitullah atas sesiapa yang telah mampu ke sana".

Ibnu Abbas r.a. melaporkan: "Bahwa Al-Aqra' bin Hubais pernah bertanya kepada Rasulullah: "Adakah Haji itu hendak dikerjakan setiap tahun atau hanya sekali sahaja?" Jawab baginda: "Haji itu sekali sahaja. Siapa yang mengerjakannya lebih dari sekali, adalah sebagai sunat juu."

### **Masanya**

Masa untuk mengerjakan Haji dalam setahun ialah mulai dari bulan Syawal, Dzulkaedah hingga 10 Dzulhijjah.

### **Himat Waktunya**

Allah menetapkan waktu dan masa ini adalah untuk menurunkan rahmatnya. Umpamanya pada malam Lailatulqadar, malam Jum'at, dan waktu-waktu yang diperkenankan doa.

Manakala bulan Haji itu adalah bulan rahmat maka Tuhan mewajibkan kepada kita melakukan ibadat Haji supaya pahala itu umum dan merata.

Allah tidak memberatkan sesuatu dalam agamanya kecuali yang termampu oleh hambaNya. Nyatalah Tuhan itu bijaksana mengaturkan sesuatu perkara.

Pekerjaan ibadat Haji ini dapat kita bahagikan kepada tiga bahagian:

- a. RUKUN: Iaitu perkara yang mesti dikerjakan, jika ada yang tertinggal, tidak dikerjakan maka Hajinya tidaklah sah.
  1. Niat serta memakai Ihram.
  2. Wuqf di 'Arafah.
  3. Tawaf Ifadhah/Haji.
  4. Sa'i
  5. Bercukur/bergunting.

6. Tertib.
- b. WAJIB: Iaitu perkara yang mesti dikerjakan, jika ada yang tertinggal, tidak dikerjakan, namun Hajinya tetap sah juga tetapi dikenakan dama (denda).
1. Memakai Ihram dari Miqat.
  2. Tawaf Wada'.
  3. Menginap di Muzdalifah, pada malam 10hb Dzulhijjah.
  4. Menginap di Mina pada malam 11hb, 12hb dan 13 hb Dzulhijjah.
  5. Melontar Jamratul-Aqabah pada 10 Dzulhijjah.
  6. Melontar Jamratul-Ula, Al Wusta dan Al Aqabah pada 11hb, 12hb, dan 13hb Dzulhijjah.
  7. Menjauhi larangan-larangan Ihram.
- c. SUNAT: Iaitu perkara yang diberi pahala bila mana dikerjakan, jika ada yang ditinggalkan, Hajinya tetap sah juga dan tidak dikenakan dama (denda).
1. Mandi Sunat Ihram.
  2. Shalat Sunat Ihram.
  3. Membaca Talbiyah.
  4. Wuquf hingga masuk matahari.
  5. Tawaf Qudum.
  6. Shalat Sunat Tawaf.
  7. Kucup-Istilam Hajar Aswad.
  8. Menginap di Muzdalifah hingga Subuh.
  9. Menginap di Mina pada malam 9hb Dzulhijjah.

## **Umrah**

UMRAH: Ertinya mengunjungi Baitullah dengan niat mengerjakan Umrah, boleh ditunaikan pada sebarang waktu.

Pekerjaan Umrah dapat diringkaskan sebagai berikut: Ihram, Tawaf di Ka'bah, mengerjakan Sa'i antara Safa dan Marwah, Bercukur/bergunting.

## **Hukumnya**

Fardhu 'Ain, sekali saja dalam seumur hidup. Selainnya dikira sunat saja.  
Firman Allah:

*وَاتِّمُوا الْحَجَّ وَالْعُسْرَةَ لِلّهِ*

"Sempurnakanlah Haji dan Umrah kamu, kerana Allah."

(Al-Baqarah: 196)

Dari Abu Hurairah r.a. ujarnya: Bahwa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَارَةً لِمَا  
بَيْتَهَا وَالْحَجَّ الْمُبَرُّ فَدُلِّيْسَ لَهُ جَزَاءً إِلَّا الْجَنَّةُ

“Dari Umrah ke Umrah adalah menebus dosa antara keduanya, Haji yang mabruh itu tiada lain lagi balasannya kecuali syurga juga.”

Umrah berulangkali:

Al-Nafi' menyatakan: Bahwa sahabat Nabi bernama Abdullah bin Umar r.a. mengerjakan Umrah setiap tahun dua kali, dalam masa pemerintahan Abdullah bin Zubair.

Al-Qasim pula meriwayatkan bahwa Sayyidatina Aisyah r.a. mengerjakan Umrah 3 kali dalam setahun.

### **Pekerjaan Umrah**

Pengertian Rukun, Wajib dan Sunat di sini adalah sama dengan yang telah diberikan sebelum ini.

- a. **RUKUNNYA:**
  - 1. Niat serta Ihram.
  - 2. Tawaf Ifadah/Umrah.
  - 3. Sa'i
  - 4. Bercukur/bergunting.
  - 5. Tertib.
- b. **WAJIB:**
  - 1. Ihram dari Miqat.
  - 2. Menjauhi larangan Ihram.
- c. **SUNATNYA:**
  - 1. Mandi Sunat Ihram.
  - 2. Shalat Sunat Ihram.
  - 3. Shalat Sunat Tawaf.
  - 4. Kucup/Istilam Hajar Aswad.
  - 5. Membaca Talbiyah.

## PEKERJAAN HAJI DAN UMRAH

### RUKUN

Perkara yang mesti dikerjakan. Jika ada yang tertinggal Hajinya tidak sah.

#### HAJI

Niat serta memakai Ihram

Wuquf di Arafah

Tawaf Ifadahah

Sa'i

Bercukur/Bergunting

Tertib

#### UMRAH

Niat serta memakai Ihram

Tawaf Ifadahah

Sa'i

Bercukur/Bergunting

Tertib

## WAJIB

Perkara yang mesti dikerjakan. Jika ada yang tertinggal Hajinya tetap sah juga tapi dikenakan denda

### HAJI

### UMRAH

Ihram dari Miqat

Ihram dari Miqat

Menginap di Muzdalifah


Melontar Jamrah 'Aqabah

Menginap di Mina

Melontar tiga jamrah

Menjauhi larangan Ihram

Menjauhi larangan Ihram



# **SEJARAH SA'I**

Oleh: Ummu Nuha

Sumber rujukan Wanita dalam Al-Quran  
dan Tafsir Al-Quran.


Peristiwa yang berlaku ke atas diri Siti Hajar dan puteranya Ismail alaihissalam amat besar kesannya dalam satu amalan rukun haji hingga sekarang ini.

Siti Hajar adalah seorang puteri raja yang menjadi tawanan raja Mesir yang terkenal dengan keganasannya pada masa itu. Kemudian Hajar di hadiahkan oleh raja tersebut kepada Sarah dan suaminya Ibrahim a.s. setelah beliau tidak berjaya menghampiri Sarah dan membujuknya supaya melayani kehendak nafsunya. Dan sebagai penghormatannya dan penghargaannya terhadap keteguhan iman Sarah dan kesuciannya maka raja itu pun memerintahkan supaya Sarah di hadiahkan perhiasan-perhiasan intan belian yang mahal-mahal dan juga budak perempuan yang bernama Hajar.

Setelah peristiwa tersebut Ibrahim membawa isterinya Sarah dan Siti Hajar kembali ke Palastin. Di sana mereka hidup aman dan tenang bersama sebahagian umat yang beriman kepada Nabi Ibrahim a.s. Kedamaian dan ketenteraman itu tidak ada yang merosak kecuali satu perkara, yaitu Ibrahim

sangat menginginkan memperolehi seorang anak laki-laki. Ini merupakan rintihan hati yang mengganggu tidurnya dan menambahkan kepiluan hatinya dan kosong dalam melewati hari-harinya. Sarah sendiri pun selalu bermohon kepada Tuhan agar di kurniakan keturunan yang akan membuat hati suaminya terhibur dan bahagia. Tetapi doa Sarah belum di kabulkan Tuhan, kerana suatu kebijaksanaan yang tidak diketahui manfaatnya. Bertahun-tahun telah berlalu, namun keadaan masih tetap demikian. Lalu Sarah dengan tekadnya memutuskan agar suaminya Ibrahim bersetuju menikahi Hajar yang suci terhormat dan mukminah itu. Dengan maksud supaya Hajar dapat melahirkan seorang anak yang akan menerangi lorong-lorong rumah tangga mereka serta dapat mengobati penderitaan dan kegersangan hidup mereka kerana ketidaaan anak.

Beberapa ketika kemudiannya, hamillah Hajar serta Sarah memperhatikan dan menyediakan segala keperluan Hajar yang boleh menyenangkan hatinya. Ketika Hajar melahirkan seorang bayi yang sangat comel dan di namakan



Hajar telah berulang alik dari Shafah ke Marwah sebanyak tujuh kali untuk mendapatkan air minuman.

Ismail, bergairahlah kembali semangat Ibrahim. Hatinya sangat terhibur dan menyangka bahawa kegembiraan seperti itu di rasakan pula oleh Sarah. Tetapi ternyata sebaliknya. Tanpa di sedari perasaan cemburu mulai menyerang hati Sarah dengan hebatnya, dan dalam bentuk suka membantah dan marah-marah kepada Ibrahim, Hajar dan pembantu-pembantunya. Keadaan demikian merubah suasana hidup Ibrahim malahan suasana rumah tangga seluruhnya menjadi seperti dalam neraka yang bernyalanya.

Nabi Ibrahim berusaha mencari jalan keluar dengan mengajak Sarah merenung kembali awal peristiwa itu bermula, namun isterinya hanya tetap bermasam muka dan menyembunyikan penderitaan

batinnya yang sebenar yaitu yang di inginkannya hanyalah supaya Ibrahim suaminya yang sangat di cintainya itu membawa Hajar dan puteranya jauh dari rumah itu sehingga tidak tampak dan tidak kedengaran olehnya suara mereka itu.

Nabi Ibrahim terus melakukan solat Istikharah memohon kepada Allh supaya di tunjukkan jalan keluar dari persoalan ini. Lalu Allah mewahyukan supaya beliau membawa isteri dan anaknya segera ke suatu tempat yang dikehendaki. Ibrahim segera memenuhi perintah Tuhan, lalu beliau berangkat membawa Hajar dan anaknya menempuh padang pasir yang kering-kontang tidak di tumbuhi satu rumput pun dan sunyi sepi itu. Akhirnya sampailah mereka di Baitul Haram dan di

sana turunlah Hajar dengan anaknya Ismail. Kemudian Ibrahim berputar balik ke tempat datangnya semula, setelah meninggalkan sedikit makanan dan air untuk mereka berdua. Hajar terkejut lantaran melihat Ibrahim memutar untanya ke arah tempat mereka datang semula dan meninggalkannya di tempat yang penuh sepi itu. Di pegangnya tali unta Ibrahim, lalu berteriak: "Mau kemanakah kau, Ibrahim? Untuk kau berikan kepada siapa kami kau tinggalkan di tempat yang kering gersang ini, tidak ada suatu yang hidup, tidak ada air, tidak ada orang yang pernah datang ke sini, yang ada hanya ular-ular dan serangga-serangga berbisa".

Nabi Ibrahim menjelaskan hal itu merupakan perintah Allah S.W.T. dan perintah Allah mesti di patuhi dan di terima dengan rela dan senang hati. Siti Hajar terpaksa menerima hakikat yang ada serta menyerahkan dirinya dalam perlindungan Allah S.W.T. seraya berkata: "Baik Tuhan tentu tidak akan menyia-nyiakan kami".

Nabi Ibrahim berangkat pulang di negerinya dengan perasaan pedih yang teramat, betapa beliau merasakan kecemasan terhadap nasib isterinya Hajar dan puteranya Ismail, tumpuan hatinya yang tidak pernah berpisah dengannya walau sesaat. Dan dengan penuh keimanan dan keyakinannya akan rahmat Allah, beliau bermohon:

"وَنَّا أَنْتَ أَكْفُتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي  
وَوَادْغُرِذِي زَرْعَ عَنْدَ بَيْتِكَ  
أَنْتَ حَرَمْ دِينَا لِيَقِيمَ وَالصَّلَاةَ"

## فَاجْعَلْ افْئِدَةً مِنَ النَّاسِ

Maksudnya:

Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah engkau (Baitullah) yang dihormati, Ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezekilah mereka dari buah-buahan, mudahan-mudahan mereka bersyukur.

(Ibrahim: 37)

Takdir yang maha esa telah menjadi kenyataan, Hajar dan puteranya harus terdampar di padang pasir tandus dan gersang itu. Tanpa teman, tanpa daya dan upaya, hanya yang ada padang pasir luas yang mencengkam. Namun ia tetap tabah dan berani, suara batinnya berbisik dan menegaskan bahawa perlindungan Illahi akan segera datang menyelamatkan dia dan anaknya.

Siang dan malam silih berganti, sedang keadaan mereka dua beranak masih tetap begitu. Bekalan makanan sudah habis di ikuti pula oleh kehabisan air. Siti Hajar masih mampu menahan lapar dan dahaganya, tetapi bayinya tidak begitu. Ia mulai menangis lantaran kelaparan dan dahaga. Perasaan lapar dan dahaganya kian lama kian meningkat yang membuat tangisannya semakin keras.

Hajar berusaha sedaya upayanya untuk melepaskan diri dari kesulitan itu. Di Marwah ia terlihat bayangan air yang di sangkanya benar-benar air, tetapi bila ia sampai di sana ia tidak menemui suatu

apa pun. Ia berlari semula ke tempatnya, di dapatinya bayinya sedang merontokan kehausan. Hajar berlari lagi ke tempat yang di lihatnya ada bayangan air tadi, dan dengan perasaan sedih ia mendengar raungan bayi yang sedang menangis berterusan kerana tidak tertahan menanggung lapar dan dahaga. Begitulah keadaannya, dan tanpa di sedarinya dengan perasaan hati yang teramat pilu dan air mata berlinangan Hajar telah berulang-alik dari Shafa ke Marwah sebanyak tujuh kali untuk mendapatkan air minuman. Hanya dengan satu harapan sahaja lagi yang ada padanya agar anak yang di kasihinya itu tidak mati kehausan.

Penderitaan yang di tanggung oleh Hajar dan anaknya itu tidak di biarkan berlarutan begitu sahaja oleh Allah yang Maha Penyayang dan dengan rahmat dan kuasanya sedang si anak menjerit-jerit dan menggelepar-gelepar sambil menghentak-hentakan kakinya ke tanah. Tiba-tiba di salah satu hentakannya itu terjadi sebuah lubang, air pun memancut keluar dengan derasnya maka terbentuklah sebuah telaga kecil di bawah tumitnya. Si ibu seakan-akan tidak percaya dengan apa yang dilihatnya itu. Iapun segera menemui anaknya. Dengan merasa penuh kesyukuran dan kegembiraan Hajar pun lalu membiasahi kerongkong bayinya sehingga hilang dahaganya, kemudian ia pula minum, lalu menengadah ke langit sambil mengucapkan syukur kepada Tuhan yang Maha Berkuaasa lagi Maha Penyayang terhadap setiap hambanya. Kemudian di hampirinya semula air itu, di sauknya dengan berkata: "Zammi, Zammi, Zammi", yang bererti "menggenanglah, menggenanglah, menggenanglah,"

dengan harapan agar air itu tidak meresap kembali ke dalam tanah pasir itu. Sehingga saat itu dan selagi Allah yang Maha Kuasa menghendaki, air itu tidak akan kering di telan batu-batu kerikil itu, ia akan terus mengalir .... Itulah yang di sebut Air Zamzam yang terletak di samping Ka'bah di Makkah Mukarramah dan yang telah di minum dan di jadikan penawar oleh berjuta-juta umat Islam yang meruunaikan fardhu Haji dan Umrah di Baitullah Al-Haram.

Bila kita amati peristiwa bersejarah yang berlaku ke atas keluarga Nabi Ibrahim a.s. amat berkesan dalam sejarah Islam dan di dalam Ibadat haji hingga ke hari ini. Iaitu perbuatan Siti Hajar yang berlari-lari anak dari Shafa ke Marwah sebanyak tujuh kali untuk mencari-cari air bagi menghilangkan dahayagnya dan anaknya dan itulah yang menjadi amalan rukun Islam yang kelima "Haji" dan "Umrah" yaitulah Amalan (Sa'i di antara Shafa dan Marwah).

Begitu juga hentakan-hentakan kaki anaknya Ismail a.s. hingga membentuk sebuah telaga kecil yang mengeluarkan air yang tidak putus-putus hingga sekarang ini dan dikenali dengan telaga zamzam. Inilah di antara tanda-tanda kebesaran Illahi yang apabila Dia menghendaki sesuatu di perkatakan:

"إِذْ أَرَادَ شِئْنَانِ يَقُولُ لَهُ  
كُنْ فَيَكُونُ"

Maksudnya:

Apabila Allah menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: "Jadilah" maka jadilah ia.

(Yaa Siin: 82)

## **QORBAN**



*Berqorban merupakan ibadat yang tinggi nilainya.*

# **QORBAN**

### **Erti Qorban (قرآن)**

Qorban menurut agama Islam ialah menyembelih haiwan ternakan yang tertentu kerana beribadat kepada Allah SWT.

### **Hukum Qorban**

Berqorban hukumnya "sunat muakkad" iaitu sunat yang sangat-sangat



dituntutti mengerjakannya bagi orang-orang yang sedang mengerja haji dan yang bukan mengerja haji jika mampu (mempunyai perbelanjaan yang lebih untuk diri sendiri dan untuk orang-orang yang dibawah tanggungangnya pada Hari Raya dan hari-hari 11, 12 dan 13 Zulhijjah).

### Hikmat Qorban

Berqorban merupakan suatu 'ibadat yang tinggi nilainya, kerana tujuan sebenarnya ialah hendak mendampingkan diri kepada Allah SWT serta patuh kepada perintah-perintahNya, bukanlah hendak bermegah-megah ataupun kerana hendak memakan daging semata-mata. Diantara hikmat-hikmatnya dapat dirumuskan seperti berikut:

- 1 — Bagi mengenangkan peristiwa Nabi Allah Ibrahim hendak mengorbanan anaknya Ismaif a.s.
- 2 — Menanam semangat suka berqorban samada dengan harta benda atau tenaga untuk kepentingan ugama Allah SWT.
- 3 — Menolong fakir miskin dan orang-orang susah.
- 4 — Menanamkan semangat taqwa dan beribadat kepada Allah Swt sebagaimana firmanNya:

لَن يَنْسَأَ اللَّهُ لِحَوْمَهَا وَلَا  
يَمْأُوهَا وَلَكِنْ يَنْتَهَ  
الْقَوْمُ مِنْ كُمْ

( سورة الحج ٢٢ )

Ertinya:

'Tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya dan tidak darah-darahnya, tetapi sampai kepada Nya taqwa daripada kamu'

(Qs A1 Haj ayat 37)

### Orang-orang yang sunat berqorban

Disunatkan berqorban kepada orang-orang yang mampu yang mempunyai syarat-syarat berikut:

- 1 — Islam - Tidak disunatkan kepada orang-orang bukan Islam.
- 2 — Sempurna akal - Tidak disunatkan kepada orang-orang gila.
- 3 — Baligh - Tidak disunatkan kepada kanak-kanak yang belum baligh. (Tetapi menurut pandangan Ulama adalah sunat bagi bapa berqorban untuk anaknya dengan harta bapa itu sendiri. Begitu juga sunat bagi datuk itu sendiri).

### Waktu berqorban

Boleh dilakukan penyembelihan qorban mula naik matahari sekira-kira selesai sembahyang dua rakaat dan dua khutbah pada Hari Raya Haji hingga jatuh matahari tanggal 13 Zulhijjah.

### Jenis-jenis ternakan

Ternakan-ternakan yang boleh dibuat qorban ialah yang tersebut dibawah ini:

- 1 — Lembu/Kerbau
- 2 — Kambing
- 3 — Kibasy dan biri-biri
- 4 — Unta.

### Umur Ternakan Qorban

Ternakan yang dijadikan qorban hendaklah yang sihat, segar dan tidak mem-

punyai kecederaan dan kecacatan iaitu hendaklah:

- 1 — Tidak yang kurus atau lemah badannya.
- 2 — Tidak berkurap.
- 3 — Tidak yang buruk, berkudis atau luka-luka.
- 4 — Tidak pincang.
- 5 — Tidak kabur atau buta matanya.
- 6 — Tidak terpotong telinga, lidah, ekor, labu susu dan sebagainya.
- 7 — Tidak patah giginya.
- 8 — Tidak yang sedang bunting.
- 9 — Tidak mempunyai apa-apa penyakit atau kecacatan yang lain-lain.

Pendeknya mana-mana ternakan yang cacat, berpenyakit dan tidak sihat tidak memadai untuk dijadikan qorban.

#### **Kongsi berqorban**

- 1 — Lembu, kerbau dan unta boleh berkongsi qorban seramai 7 orang.
- 2 — Kambing, biri-biri dan kibasy untuk 1 orang sahaja.

#### **Niat berqorban**

Seriap orang yang berqorban mestilah berniat qorban ketika menyembelihnya seperti diniatnya: "Inilah qorbanku yang

sunat". Niat ini boleh diwakilkan kepada orang lain. Orang yang menerima wakil hendaklah berniat seperti: "Inilah qorban si Anu yang diwakilkannya padaku".

#### **Daging Qorban**

Daging qorban disedekahkan ketika basahnya kepada fakir miskin. Dan sebaik-baiknya disedekahkan semuanya kepada mereka, kecuali sedikit saja untuk dimakan sendiri oleh orang yang berqorban dan keluarganya. Daging qorban tidak boleh dijual oleh orang yang berqorban, termasuk juga belulangnya atau sebagainya, dan tidak boleh juga dijadikan sebagai pengupah bagi orang yang menyembelihnya, tetapi tidak mengapa jika diberi sebagai jalan sedekah.

#### **Catatan**

##### **Qorban nazar**

Seseorang yang bernazar hendak berqorban seperti katanya: "Bagi Allah atasku berqorban", wajiblah ia berqorban. Dengan demikian haramlah baginya memakan daging qorban walaupun sedikit, bahkan wajib disedekahkan semua daging qorbannya itu kepada fakir miskin.

Wallahu a'lam.

Allah Swt. berfirman:

"Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu ni'mat yang banyak. Maka dirikanlah shalat kerana Tuhanmu, dan berkorbanlah. Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus."

(Surah Al Kautsar)



# AQIQAH

### **Erti Aqiqah ( عقیة )**

Aqiqah ertinya sama dengan "dzabihah", iaitu binatang yang disembelih. Dan dalam istilah syarak, aqiqah itu adalah kambing atau biri-biri jantan atau betina yang disembelih berhubung dengan adanya anak yang baru dilahirkan.

### **Hukum Aqiqah:**

Mengadakan Aqiqah hukumnya "sunnat muakkad" bagi mereka yang menang-

gung sara hidupnya dengan harta kepunyaan sendiri, bukan kepunyaan kanak-kanak itu.

### **Waktu Aqiqah**

Sebaik-baik waktu Aqiqah adalah hari yang ketujuh sesudah hari kelahiran anak tersebut.

Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh At Tirmidzi, an Nasai dan Ibn Majah:

## تَذْبِحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِقِهِ

### Yang bermaksud:

"Disembelih 'aqiqah buat kanak-kanak itu pada hari yang ketujuhnya."

### Kadar Aqiqah

Bagi anak lelaki: 2 (dua) ekor kambing, dan bagi anak perempuan 1 (satu) ekor kambing.

Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ahmad dan at Tirmidzi:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَهُمْ أَنْ يَعْقِلُوا عَنِ الْفَلَامِ شَاتَانِ مَكَافِئَتَانِ وَعَنِ الْحَارِيَةِ شَاهَةً

### Yang bermaksud:

"Sesungguhnya Rasulullah SAW memerintah mereka ber'aqiqah buat anak lelaki dua kambing yang sama dan buat anak perempuan satu kambing."

### Syarat-syarat Aqiqah

Syarat-syarat dan hukum-hukum mengenai aqiqah ini kebanyakannya samalah dengan hukum qurban tentang ternakannya: umurnya, sihat segarnya, niatnya dan lain sebagainya:

Beberapa perkara yang patut diperhatikan adalah:

a — daging aqidah dengan segala bagian-

nya disedekahkan kepada fakir miskin, sebagaimana halnya dengan daging qurban.

- b — aqiqah ataupun qurban tidak diperkenankan ditukar dengan beras ataupun dengan yang lainnya, meski hal itu lebih diperlukan atau lebih mahal harganya, sebab dalam soal-soal 'ibadat wajib kita lakukan segala sesuatunya sesuai dengan yang telah disyari'atkan oleh Nabi Muhammad Saw.

### Hikmat Aqiqah:

Sebagaimana qurban mempunyai hikmat-hikmat yang tertentu, begitu juga aqiqah mempunyai hikmat-hikmatnya yang tertentu, diantara lain ialah:

- 1 — sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Swt. diatas kurniaan Nya yang besar iaitu kelahiran cahaya mata bagi suami isteri.
- 2 — dapat memberi makanan kepada orang-orang miskin dan orang-orang susah.
- 3 — menanamkan semangat suka berbelanja untuk sesuatu kebajikan.

### Catitan:

Pada hari yang ketujuh itu, disunatkan memberi nama kepada anak yang baru lahir itu dengan nama yang baik dan elok, dan janganlah sebarang nama sahaja, lebih-lebih lagi yang tidak ada maknanya atau mengandungi makna-makna yang lucu dan kotor.

Disamping itu disunatkan pula (sebahagian Ulama menyatakan diwajibkan) mencukur dan membersihkan rambut anak tersebut pada hari ketujuh itu.

Wailahu a'lam.

## FATWA

# RUANGAN FATWA

Oleh

- (Datuk Haji Abdul Kadir Hassan)  
Mufti Negeri Sarawak

Soal: Bagaimana cara mengerja mayat anak yang telah mati bila dia dilahir oleh ibunya?

Jawab: Dalam masaalah ini kita bahagikan kanak-kanak yang telah mati bila dilahir oleh ibunya kepada empat (4) peringkat:-

### Peringkat Yang Pertama

Iaitu peringkat anak yang sudah cukup umurnya di dalam kandungan. Yang dimaksud dengan perkataan cukup umur dalam kandungan di sini, yakni dalam bicara hukuh fiqh ialah kanak-kanak itu sudah berumur 6 bulan atau 7 bulan, atau 8 bulan atau 9 bulan dan sehingga ke atas di dalam kandungan. Ketika kanak-kanak itu berumur 6 bulan di dalam kandungan sehingga ke atas adalah bererti kanak-kanak itu sudah cukup sempurna sifatnya sebagai seorang manusia dan bersedia untuk dilahirkan ke dunia ini pada bila-bila masa.

Di dalam peringkat ini, yakni peringkat kanak-kanak itu sudah cukup umurnya 6 bulan sehingga ke atas, takdirnya ketika dilahirkan, dia mati, samaada dia mempunyai tanda hayat seperti bergerak atau bersuara, atau kelupak matanya bergerak-gerak; atau sama sekali tiada mempunyai tanda hayat, yakni ketika lahir dia terus mati,

maka hukumnya samalah seperti memelihara mayat biasa, yakni wajib dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan.

### Peringkat Yang Kedua:

Iaitu kanak-kanak itu berumur di bawah 6 bulan di dalam kandungan seperti baru berumur 5 bulan, atau 4 bulan, maka sekiranya ketika lahirnya ada padanya tanda-tanda hayat, seperti bergerak anggotanya atau ada kedengaran suara, walaupun hanya sekali sahaja, atas kelupak matanya bergerak-gerak kemudian diapun mati, maka jika didapati demikian wajiblah kanak-kanak itu dikerjakan dengan empat rukun seperti yang disebut dalam peringkat yang pertama tadi.

### Peringkat Yang Ketiga:

Iaitu kanak-kanak yang berumur di bawah 6 bulan juga; tetapi ketika dilahir dia tidak mempunyai tanda hayat, ketika dilahir dia telah mati. Di dalam masalah itu, wajiblah dikerjakan ke atasnya dengan tiga (3) rukun sahaja; iaitu dimandi, dikafan dan dikebumikan - tiada disembahyang.

### Peringkat Yang Keempat:

Iaitu jika kanak-kanak itu berumur di bawah dari 4 bulan di dalam kandungan ibunya (yakni sebelum ditiup roh), maka mayat kanak-kanak itu cuma wajib dikafan dan dikebumikan - tidak dimandi dan tidak disembahyangkan.

- *Alsalih* -

## RANGKUMAN DO'A

# KELUAR DARI MESJID

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ  
مِنْ إِبْلِيسٍ وَجْنُودِهِ

Allaahumma innii 'auudzubika min iblis wajunudihi.

Ertinya

Ya Allah, aku berlindung padaMu dari pada iblis dan bataltentaranya.

Diriwayatkan oleh Abu Umaamah r.a. berkata, bahwa Nabi bersabda: "Sesungguhnya seseorang dari kamu apa bila keluar dari Mesjid, berkumpullah bala tentara iblis. Mereka berkerumun, sebagai mana berkerumunnya lebah disekitar ratunya." Maka dari itu apa bila seseorang dari kamu telah berdiri diambil pintu Mesjid hendaknya ia membaca doa diatas. Maka apabila seseorang dari kamu membacanya, tiadalah ia akan mendapat mudharat dari iblis dan tentaranya.

# RUANG BERITA DAERAH

## SERUAN

Bagi pehak Sidang Pengarang AL-HUDA, dengan ini kami menyeru kepada saudara-saudara Jawatan Kuasa BINA cawangan-cawangan, sudi kiranya mengirimkan laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan yang telah dan yang akan dilakukan dalam kawasan saudara, agar kami dapat memasukkannya kedalam Ruang Berita Daerah Majallah bulanan, AL-HUDA. Dengan demikian komunikasi dan silaturrahim diantara kita akan dapat terjalin lebih erat lagi.

Atas kerjasama saudara, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Wassalam,  
Sidang Pengarang



Laporlah Kegiatan di kawasan saudara  
mengenai pertandingan kursus,  
ceramah dan sebagainya, kirim gam-  
bar jika ada dan hantarkan kepada:  
Pengarah,  
Penerbitan Al-Huda,  
Ibu Pejabat BINA, Jalan Tun Datuk  
Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,  
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.





## RAYUAN BANTUAN

Saudara-saudari seiman dan secita-cita,  
Majallah AL-HUDA kita yang kita cintai, adalah majalah yang diterbitkan oleh kita dan untuk kita. Hidup matinya bergantung kepada kita. Oleh kerana kita belum punya percetakan sendiri, kita terpaksa membayar upah percetakan setiap bulan. Terlambat bayar, terlambat pula keluarnya. Oleh sebab itu, besar harapan kami, agar kiranya saudara-saudari sudi ikut menyumbang kewangan setakat yang saudara-saudari sanggup mengeluarkannya dengan mengisi borang yang berikut ini. Setelah diisi, haraplah kirimkan kepada kami.  
Atas kerjasama pehak saudara-saudari, kami aturkan ribuan terima kasih.

Wasslam  
Pengurus Penerbitan



----- potong disini -----

Pernyataan:

1. Nama: .....

2. Alamat ( lengkap dengan pos kod): .....

3. Bersedia menyumbang bagi penerbitan majallah AL-HUDA:

(a) per bulan sebanyak: M\$ (.....) ringgit, atau

(b) per tahun sebanyak: M\$ (.....) ringgit

Dari saya yang ikhlas,

(.....)

NOTA: Resit penerimaan wang akan dikeluarkan sekali dalam 6 bulan.

# PEMBERITAHU:

Saudara-saudari budiman,

Kami menarik perhatian kepada saudara-saudari yang akan dan telah berpindah tempat dan bertukar ke alamat baru. Sila catitkan nama, alamat lengkap dengan pos kod, didalam ruang yang telah tersedia dibawah ini.

Bagi kami memudahkan pengedaran dan mengelakkan naskah yang telah dikembalikan kepada kami.

Dengan ini kami berharap kerjasama saudara-saudari tidak lagi menjadi masal ah kepada yang menjalankan tugas.

Sekian ribuan terima kasih.

Wasalam  
dari Ketua Pengedaran

KE ALAMAT BARU:

Potongan ini hendaklah sampai kepada kami  
kealamat Ibu Pejabat BINA, Jalan Datuk Patinggi  
Haji Abdul Rahman Yakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak,  
Malaysia. Telefon: 082-443993, 082,443994 ext. 11 atau 31

Saya telah pun pindah dan bertukar kealamat seperti berikut dibawah ini.

Nama: .....

.....

Alamat (lengkap dengan pos kod): .....

.....

.....



# TEMPAH TYPE-SETTING DAN LAY-OUT

Tuan/Puan,

Kami mempunyai kemudahan Type-setting IBM, Compugraphic mesyen membuat tajuk (headliner) alat moden dan lain-lain kemudahan percetakan.

Di samping itu, kami juga menawarkan khidmat lay-out (rekabentuk), percetakan, colour separation gambar setaraf dengan Semenanjung Malaysia dan lain-lain yang berhubung dengan penerbitan dan bahan bercetak.

Khidmat kami selain membuat rekabentuk (lay-out) buku, majalah, kad-kad, Buku Program, iklan, poster juga membuat rekabentuk kotak barang, bungkus dan lain-lain.

Se semua khidmat ini ditawarkan dengan bayaran yang berpatutuan. Keterangan lanjut sila hubungi:-

Bujang Zenal,  
Standard Design,  
2nd Floor, 87-89 Jalan Rubber,  
93400 Kuching, Sarawak.

Telefon dirumah waktu malam,

Tel: 487381

min box  
cl i  
Ta  
wa (L  
o i ch  
men ahin  
Undangan  
leng pe  
val pentad  
negeri  
nurut T  
ina Menteri Kera  
nem erlukan setiap  
was menumunkan  
muh p  
adap  
dijr  
ai d  
n  
utu  
t se  
nban  
at  
tu  
thin  
val  
nars  
men  
rasl  
pro  
e h  
haar  
peruh

y  
i  
be  
geri  
lu  
in  
egori  
ng  
ter  
br  
ja  
l  
ya n  
Aera )  
ma tei  
adah l  
bi da s.  
pembangu  
nca n  
oka Kei  
alam bebera  
alan dari segi pr  
tan matlamat  
iahat dikehalk  
lah perihana  
seperti penambili

at  
Dordana  
glu  
SARA  
hat  
akan  
proses  
aduar  
mu  
de  
ng





## Halaman Khas

Mulai sekarang penerbitan majalah AL-HUDA membukakan ruangannya untuk iklan, bagi mana-mana pihak yang ingin menyiarkan hal ehwal perniagaan, kegiatan, program, rancangan, sejarah atau masa depan sesebuah organisasi, perwakilan, keduataan, yayasan atau persatuan tertentu boleh diterima mengikut bersesuaian dengan majalah AL-HUDA dan dimaklumkan bahawa iklan yang tidak sesuai tidak akan diterima.

Untuk maklumat yang lebih lanjut silalah berhubung dengan Pengurus Pengiklanan: Encik Bujang Jenal Tel: 487381 (rumoh) atau Penolong Ketua Pengarang: Ustaz Haji Hassanoeddin Abu Bakar; atau melalui alamat dan telefon berikut:

Bahagian Pengiklanan  
Penerbitan Majalah AL-HUDA,  
Ibu Pejabat BINA,

Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,  
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-443993, 082-443994 ext. 11 atau 31

Cara menarati iklan sangat mudah,  
Tuan/Puan bolehlah membayar  
\$150 untuk muka dalam dan \$250  
untuk muka belakang.